

AL-QARĪNAH KONTEMPORARI DALAM PEMBUKTIAN JENAYAH BUNUH  
MENURUT PERUNDANGAN ISLAM

ABDUL HAKIM HAMIDON

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

AL-QARĪNAH KONTEMPORARI DALAM PEMBUKTIAN JENYAH BUNUH  
MENURUT PERUNDANGAN ISLAM


ABDUL HAKIM HAMIDON

Tesis ini dikemukakan  
sebagai memenuhi syarat penganugerahan ijazah  
Sarjana Falsafah

Fakulti Tamadun Islam  
Universiti Teknologi Malaysia

OGOS, 2017

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan :   
Nama Penulis : Abdul Hakim Bin Hamidon  
Tarikh : **Ogos 2017**

## **DEDIKASI**

Hasil penyelidikan ini didedikasikan kepada umat Islam keseluruhannya sebagai panduan dalam satu aspek dalam perundangan Islam. Moga-moga penulisan ini dapat digunakan dan dimanfaatkan sebaik mungkin.

## PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah SWT tuhan semesta alam. Selawat dan salam ke atas penghulu sekalian utusan Nabi Muhammad SAW, keluarga dan para sahabat RA dan mereka yang menuruti jejak dan sunnah baginda SAW hingga ke hari kiamat. Syukur ke hadrat Allah yang memudahkan perjalanan penyelidikan ini. Jutaan terima kasih dan penghargaan kepada mereka yang menyumbang dan memberi tunjuk ajar, khususnya penyelia **Prof. Madya Dr. Aminuddin Ruskam** yang memandu dan membimbing penyelidikan ini. Tidak lupa juga para pensyarah, rakan seperjuangan dan seluruh warga Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia yang telah memberi bantuan serta menyediakan prasarana sebaik mungkin. Segunung penghargaan kepada ahli keluarga yang sentiasa menyokong usaha ini. Khususnya kepada Abah **Hamidon Musa** dan Mak **Norizan Ibrahim** atas nasihat dan tunjuk ajar. Juga kepada Ayah **Che Rahimi Samat** dan Ummi **Hafidzah Mustakim**. Buat isteri tercinta **Khadijah Che Rahimi**, terima kasih di atas sokongan tidak berbelah bahagi sejak dari permulaan perjalanan pengajian ini. Tidak lupa kepada si kecil **Hamzah** dan **Harith** yang menjadi motivasi untuk abi. Semoga Allah SWT membalas pengorbanan kalian dengan sebaik-baik ganjaran. Amin.

## ABSTRAK

Kebergantungan kepada kaedah *shahādah mubāsharah* (penyaksian) dan *iqrār* (pengakuan) sebagai kaedah pembuktian dewasa ini telah menghadkan ketepatan dan kecekapan dalam proses pembuktian jenayah Islam, sekaligus amat berhajatkan kepada pemeraksanaan kaedah-kaedah pensabitan yang lain seperti *al-qarīnah*. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis pendapat pakar perundangan Islam tentang *al-qarīnah* sebagai bahan bukti jenayah bunuh, menganalisis *al-qarīnah* kontemporari menurut perundangan Islam, serta mengemukakan panduan *al-qarīnah* sebagai pembuktian jenayah bunuh menurut perundangan Islam. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian dokumentasi dan analisis data kualitatif ke atas sampel yang dikumpul menggunakan teknik pensampelan tujuan (*purposive sampling*) bagi menjawab objektif kajian. Dapatan kajian ini telah menghasilkan sebuah panduan mengenai *al-qarīnah* dalam pensabitan jenayah bunuh menurut perundangan Islam. Ia merangkumi perbincangan klasikal dan terkini serta memuatkan perbahasan saintifik dan multidisiplin. Hasil daripada kajian ini diharap boleh memberi nilai tambah dan panduan kepada pihak berwajib dan pengamal perundangan Islam.

## ABSTRACT

Reliance on the methods of *shahādah mubāsharah* (eye witness) and *iqrār* (admission) as means of proving has to date imposed a limit on the accuracy and efficiency in the process of proving crimes in Islam. Thus there is an urgent need for enhancement in other methods of conviction such as *al-qarīnah* (circumstantial evidence). The objectives of this study are to analyse Islamic legal experts' opinion on *al-qarīnah* as circumstantial evidence in homicide cases, to analyse contemporary *al-qarīnah* according to Islamic Law, and to present guidelines for *al-qarīnah* as proof in homicide crimes according to Islamic Law. The methodology of this study is of the qualitative type which involves documentative research and qualitative data analysis on the collected samples that is based on purposive sampling in order to achieve the research objectives. The findings of this study have provided guideline for the use of *al-qarīnah* in homicide crimes according to Islamic rules. It covers classical and current discussion as well as scientific and multidisciplinary discussion. It is expected that the outcome of this study will be useful in providing value added assistance and guideline to relevant authorities and Islamic legal practitioners.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
	<b>TAJUK</b>	i
	<b>PERAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>ISI KANDUNGAN</b>	vii
	<b>JADUAL TRANSLITERASI</b>	xi
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvi
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Penyataan Masalah	6
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Persoalan Kajian	8
	1.6 Kepentingan Kajian	8
	1.7 Batasan Kajian	9
	1.8 Definisi Istilah	9
	1.9 Kajian Lepas	11



1.10	Metodologi Kajian	19
1.11	Kesimpulan	36
<b>2</b>	<b>KONSEP AL-QARĪNAH BAGI JENAYAH BUNUH MENURUT PERUNDANGAN ISLAM</b>	<b>38</b>
2.1	Pengenalan	38
2.2	Konsep Al-Qarīnah	39
2.2.1	Definisi Al-Qarīnah	39
2.2.2	Pensyariatan Al-Qarīnah	43
2.2.3	Hukum Al-Qarīnah	51
2.2.4	Hikmah Pensyariatan Al-Qarīnah	52
2.2.5	Pembahagian Al-Qarīnah	54
2.2.6	Pemakaian Al-Qarīnah	57
2.2.7	Peranan Al-Qarīnah	59
2.3	Al-Qarīnah dan Perundangan	62
2.3.1	Persamaan Komponen Penyiasatan Jenayah	62
2.3.2	Disiplin Penggunaan Al-Qarīnah	66
2.4	Jenayah Bunuh Dalam Perundangan Islam	69
2.5	Kesahan Al-Qarīnah dalam Pembuktian Jenayah Bunuh Menurut Perundangan Islam	71
2.5.1	Perbezaan Pandangan dan Pendalilan	71
2.5.2	Perbincangan	74
2.6	Kesimpulan	76
<b>3</b>	<b>AL-QARĪNAH KONTEMPORARI BERKAITAN JENAYAH BUNUH MENURUT PERUNDANGAN ISLAM</b>	<b>77</b>
3.1	Pengenalan	77
3.2	Prinsip dan Pembuktian Sains Forensik	78
3.2.1	Prinsip Asas Sains Forensik	79
3.2.2	Pembuktian Melalui Sains Forensik	80
3.2.3	Pembahagian Bukti Forensik ( <i>Forensic Evidence</i> )	81

3.3	Al-Qarīnah Kontemporari dan Pembuktian Forensik Jenayah	84
3.3.1	Hubungkait Dan Persamaan	85
3.3.2	Tujuan dan Peranan	89
3.3.3	Asas dalam Perundangan Islam	91
3.8	Kesimpulan	93
<b>4</b>	<b>PANDUAN AL-QARĪNAH DALAM PEMBUKTIAN JENAYAH BUNUH</b>	<b>94</b>
4.1	Pengenalan	94
4.2	Al-Qarīnah Klasikal Dalam Perundangan Islam	95
4.2.1	Al-Qiyāfah	95
4.2.2	Al-Firāsah	96
4.2.3	Al-Nukūl	97
4.2.4	Al-Hiyāzah	98
4.2.5	Al-Lauth	99
4.2.6	Al-Kitābah	99
4.2.7	Al-Ishārah	100
4.3	Al-Qarīnah Kontemporari Dalam Pembuktian Jenayah Bunuh	101
4.3.1	Bukti Biologi (DNA)	101
4.3.2	Bukti Cap Jari	107
4.3.3	Bukti Senjata	118
4.3.4	Bukti Teraan ( <i>Impressions Evidence</i> )	121
4.3.5	Bukti Tinggalan ( <i>Trace Evidence</i> )	124
4.3.6	Bukti Entomologi ( <i>Entomological Evidence</i> )	128
4.3.7	Bukti Bahan Semula jadi atau Sintetik ( <i>Natural/Synthetic Material</i> ) dan Bukti Bahan Generik ( <i>Generic Objects</i> )	130
4.3.8	Bukti Data	131
4.6	Kesimpulan	146

<b>5</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	147
5.1	Pengenalan	147
5.2	Rumusan dan Perbincangan	149
5.2.1	Konsep Al-Qarīnah Bagi Jenayah Bunuh Menurut Perundangan Islam	149
5.2.2	Al-Qarīnah Kontemporari Berkaitan Jenayah Bunuh Menurut Perundangan Islam	151
5.2.3	Panduan Al-Qarīnah Dalam Pembuktian Jenayah Bunuh Menurut Perundangan Islam	153
5.3	Implikasi Kajian	155
5.3.1	Implikasi Kepada Pihak Berwajib	155
5.3.2	Implikasi Kepada Pengamal Perundangan Islam	155
5.3.3	Implikasi Kepada Individu dan Masyarakat	156
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	156
5.4.1	Kajian Kes Dalam Pembuktian Al-Qarīnah	156
5.4.2	Kajian Elemen Patuh Syariah Dalam Amalan Forensik Jenayah	157
5.4.3	Kajian Mengenai Sumber Manusia Dalam Bidang Forensik Jenayah	157
5.5	Kesimpulan	157
	<b>RUJUKAN</b>	159
	<b>LAMPIRAN</b>	169

## JADUAL TRANSLITERASI

### PANDUAN HURUF KONSONAN

Perkataan Arab untuk huruf konsonan yang terdapat dalam tesis ini ditransliterasikan berpandukan jadual berikut;

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	'A	ض	Ḍ ḍ
ب	B	ط	Ṭ ṭ
ت	T	ظ	Z ḏ
ث	Th	ع	'
ج	J	غ	Gh
ح	Ḥ ḥ	ف	F
خ	Kh	ق	Q
د	D	ك	K
ذ	Dh	ل	L
ر	R	م	M
ز	Z	ن	N
س	S	ه	H
ش	Sh	و	W
ص	Ṣ ṣ	ي	Y

## PANDUAN HURUF VOKAL

Terdapat tiga jenis huruf vokal Arab, yaitu huruf panjang, huruf pendek, dan huruf Diftong. Perkataan Arab untuk huruf vokal yang terdapat dalam tesis ini ditransliterasikan berpandukan jadual berikut;

Panjang		Pendek		Diftong	
Arab	Rumi	Arab	Rumi	Arab	Rumi
ا	ā	ا	a	او	aw
او	ū	إ	u	اي	ay
إي	ī	ا	i		

**SENARAI JADUAL**

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
1.1	Kelebihan dan Kekurangan Kajian Dokumentasi	25
1.2	Senarai Sampel Kajian	29
2.1	Konsep Al-Qarīnah Bagi Jenayah Bunuh	39
2.2	Pembahagian Al-Qarīnah	54
2.3	Maqāsīd Uqūbah	61
2.4	Komponen Penyiasatan Jenayah Dalam Al-Qarīnah Klasikal	63
2.5	Disiplin Penggunaan Al-Qarīnah	66
3.1	Prinsip Asas Sains Forensik	79
3.2	Pembahagian Bukti Forensik	82
3.3	Peranan Sains Forensik	89
4.1	Pembahagian Al-Qarīnah Klasikal	95

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	HALAMAN
1.1	Hubungkait Undang-Undang Keterangan, Hukum Jenayah Syariah Dan Maqasid Syariah	2
1.2	Kerangka Kajian	20
1.3	Perbezaan di antara Kajian Dokumentasi dan Soroton Literatur	23
1.4	Analisis Data Kualitatif	32
1.5	Triangulasi Data Kajian	36
4.1	Analisis DNA di Makmal	104
4.2	Bentuk Cap Jari	108
4.3	Kaedah Memperlihatkan Cap Jari	112
4.4	Analisis Bukti Senjata Ke Atas Dua Kelongsong Peluru	119
4.5	Sampel Bukti Teraan Untuk Dianalisis	121
4.6	Sampel Bukti Tinggalan Untuk Dianalisis	125
4.7	Alatan Pengumpulan Sampel Bukti Tinggalan	126
4.8	Bukti Entomologi Dianalisis Untuk Mengetahui Usia Mayat	129
4.9	Tulisan Tangan Dianalisis di Makmal	137
5.1	Kesimpulan Dapatan Kajian	148

**SENARAI SINGKATAN**

AS	-	‘Alaihi al-Salām
ASTM	-	American Society for Testing and Materials
Et al	-	Dan pengarang-pengarang lain
GTP	-	Government Transformation Program
Lwn	-	Lawan
NIJ	-	National Institute of Justice
NKRA	-	National Key Result Areas
PEMANDU	-	Performance Management and Delivery Unit
RA	-	Raḍiya Allahu ‘Anhu
SAW	-	Ṣalla Allahu ‘Alaihi wa Sallam



**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
A	PENERBITAN	169
B	SEMINAR DAN KURSUS	170
C	SENARAI RUJUKAN UTAMA MAZHAB	171

## **BAB 1**


### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Isu keselamatan adalah isu yang sangat penting dan kritikal kepada kehidupan manusia. Kehidupan bermasyarakat yang tenteram dan aman ini adalah hasil kombinasi dari pelbagai sudut dan keperluan hidup seperti pendidikan, keselamatan, kehakiman, ekonomi dan lainnya. Melihat secara khusus kepada isu kehakiman, pensabitan hukum adalah antara isu utama dalam perbahasan para sarjana. Hal ini kerana pensabitan hukum adalah wasilah dalam mencari kebenaran, menjadikannya satu komponen utama dalam sistem kehakiman. Kajian ini dilaksanakan untuk menghurai perbahasan mengenai *al-qarīnah* yang merupakan salah satu kaedah pensabitan hukum dalam perundangan Islam. Bagi memenuhi tujuan ini, kajian ini menganalisis pendapat pakar perundangan Islam tentang *al-qarīnah* sebagai bahan bukti jenayah bunuh, menganalisis *al-qarīnah* kontemporari menurut perundangan Islam, serta mengemukakan panduan *al-qarīnah* sebagai pembuktian jenayah bunuh menurut perundangan Islam. Bab pertama ini membincangkan latar belakang dan objektif kajian, kajian lepas serta metodologi yang digunakan dalam kajian ini.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Kehidupan aman dan tenteram adalah keperluan asas dan utama dalam kehidupan manusia tanpa terkecuali. Oleh kerana itu, agama Islam telah meletakkan keutamaan dalam penjagaan aspek asas ini. Melalui pemahaman dalam *Maqāsid Sharī'ah* (Rajah 1.1), dapat difahami bahawa Islam amat menitik-beratkan penjagaan dan pemeliharaan terhadap *al-Ḍaruriyyāt al-Khamsah* (Lima perkara utama). Lima keperluan asas ini ialah; pemeliharaan agama, pemeliharaan nyawa, pemeliharaan akal fikiran, pemeliharaan nasab keturunan, serta pemeliharaan harta benda (Auda, 2014). Perkara ini telah diperjelaskan dengan lebih lanjut oleh para sarjana Islam dengan pelbagai kaedah dan instrumen yang wujud bagi menyokong keperluan-keperluan ini. Dalam sistem kehakiman dan perundangan Islam, isu keterangan dan pembuktian adalah sangat berkaitan dengan *al-qarīnah*. Penggunaan instrumen ini dengan telus dan tepat akan membantu proses penegakkan keadilan dalam masyarakat (Al-Zuhaylī, 1982).



**Rajah 1.1** Hubungkait Undang-Undang Keterangan, Hukum Jenayah Syariah dan Maqāsid Sharī'ah (Al-Zuhaylī, 1982, Auda, 2014, Ahmad Syukran *et al.*, 2015b)

Di peringkat kebangsaan, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan Indeks Prestasi Utama (*Key Performance Indeks - KPI*) bagi enam teras Bidang Keberhasilan Utama Negara (*National Key Result Area - NKRA*) sebagai usaha untuk menyediakan dan meningkatkan tahap kesejahteraan dalam kehidupan bermasyarakat. Bidang-bidang tersebut adalah berkaitan jenayah, rasuah, pendidikan, meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah, memperkasa prasarana luar bandar dan pedalaman, menambah baik pengangkutan awam dan mempertingkatkan kos sara hidup rakyat (NKRA, 2009). Pihak kerajaan juga memberikan sepenuh komitmen kepada Program Transformasi Kerajaan (*Government Transformation Program - GTP*). Pelan Hala Tuju Negara telah memperincikan objektif, keberhasilan dan set tindakan dalam bidang yang dikenal pasti sebagai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) (GTP, 2010). Kadar jenayah indeks secara keseluruhannya meningkat daripada 746 jenayah yang dilaporkan per 100,000 penduduk pada tahun 2006 kepada 767 pada tahun 2007 dan tahun 2008 – peningkatan hampir 3% (Hishammuddin, 2012).

Proses membendung dan mengurangkan kadar jenayah memerlukan satu usaha menyeluruh. Usahasama dari institusi masyarakat, pihak berkuasa dan sistem kehakiman perlu dilaksanakan seiringan (PEMANDU, 2015). Kejayaan memerangi jenayah tidak mencukupi jika sekadar melihat kepada carta dan statistik. Bahkan ia memerlukan usaha luas yang mencakupi penambahbaikan dalam tahap pencegahan jenayah, hubungan antara masyarakat dan anggota penguatkuasa, keberkesanan sistem kehakiman dan juga pendidikan mengenai isu keselamatan peribadi kepada masyarakat umum sebagai contoh (PEMANDU, 2015). Seiring dengan dasar kerajaan, kajian ini dilakukan bagi melihat penambahbaikan dan pengkayaan bahan akademik dalam perbahasan perundangan Islam.

Kajian ini juga dilihat sebagai satu perbahasan yang masih relevan. Ia bukanlah satu perbahasan ilmu yang sudah ketinggalan. Ini jelas apabila usaha perbincangan dan penerapan undang-undang syariah ini masih berlaku. Usaha ini tidak hanya berlaku di negara Arab sahaja, malah ia turut diaplikasi di luar sempadan geografi tersebut. Sebagai contoh, Brunei Darul Salam adalah negara rantau Asia ini

yang sudah mengaplikasikan undang-undang syariah dalam proses penghakiman negara mereka. (Mohammad Munzil *et al.*, 2015).

Perbincangan mengenai aplikasi *al-qarīnah* juga boleh didapati dalam beberapa Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah di negeri-negeri di Malaysia seperti Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) (2001), Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) (2002), dan lain-lain negeri. *Al-Qarīnah* dalam enakmen ini telah diletakkan dalam satu bab khusus di bawah bahagian kerelevenan. Ia membincangkan antaranya mengenai bila penghakiman mahkamah menjadi *al-qarīnah* dan bila pendapat orang ketiga menjadi *al-qarīnah*. Turut disentuh bagaimana pendapat pakar bidang, iaitu orang yang mempunyai kemahiran khusus dalam undang-undang negara asing, sains atau seni dianggap sebagai *al-qarīnah*. Tetapi perbincangan tidak menyentuh persoalan jenayah bunuh secara khusus kerana ia tidak termasuk dalam bidang kuasa mahkamah syariah di Malaysia. Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 (2015) pula telah diperkenalkan oleh kerajaan negeri Kelantan pada tanggal 25 November 1993. Perbincangan *al-qarīnah* dalam enakmen ini lebih meluas dengan menyatakan ia terpakai kecuali dalam kesalahan hudud; “Kecuali seperti yang diperuntukkan dalam subseksyen (2) keterangan *al-qarīnah* walaupun berkaitan tidaklah boleh dijadikan satu cara yang sah untuk membuktikan kesalahan hudud”. Kajian ini mengambil langkah ke depan dengan membincangkan lanjutan daripada perbincangan *al-qarīnah* ini.

Dalam aspek pembuktian dan keterangan kes-kes jenayah dalam Islam terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan sarjana fiqh. Menurut Al-Zuhayli (1982) terdapat tujuh kaedah pensabitan dalam perundangan Islam iaitu *al-shahādah*, *al-iqrār*, *al-yamīn*, *al-kitābah*, *al-qarīnah*, *‘ilmu al-qādi*, dan *al-khibrah*. Namun tidak semua kaedah ini disepakati oleh sarjana Islam sebagai kaedah pensabitan hukum. Terutama dalam perbincangan *al-qarīnah*, perbincangan dalam kalangan para ilmuan Islam mengenainya telah menatijahkan beberapa pendapat yang berbeza (Zulfakar, 1997). Permasalahan timbul apabila menerusi peredaran masa dan perkembangan ilmu, pembuktian jenayah berdasarkan persaksian dan ikrar menjadi

bertambah sukar (Ahmad Syukran *et al*, 2015b), sekaligus amat berhajatkan kepada pemeraksanaan kaedah-kaedah pensabitan yang lain. Oleh kerana itu, kajian ini berhasrat membahaskan aspek konsep dan prinsip *al-qarīnah* ini dengan membuat penelitian semula terhadap rujukan literatur klasikal dan kontemporari.

Penumpuan kajian ini dalam jenayah bunuh pula dikhususkan selepas melihat kepentingan komponen ini dalam sistem perundangan Islam. Jenayah bunuh termasuk dalam perbincangan undang-undang qisas. Ia adalah satu antara tiga jenis hukuman utama dalam undang-undang syariah Islam. Tiga jenis hukuman ini disebut sebagai hudud, qisas dan takzir (Abu Zahrah, 1974). Di Malaysia, isu pelaksanaan ini sering kali dibincangkan, malahan terdapat usaha-usaha agar perkara ini dibincangkan dalam parlimen (Mohammad Munzil *et al*, 2015). Menurut Al-Zuhayli (1982), sebahagian besar sarjana tidak melihat kaedah *al-qarīnah* sesuai dalam pensabitan jenayah bunuh kerana *al-qarīnah* tidak mampu mendatangkan kekuatan pendalilan yang mampu menolak sebarang keraguan. Lantas mereka lebih cenderung untuk berhati-hati dalam permasalahan ini.

*Al-Qarīnah* adalah satu konsep yang umum, sekaligus ia bersifat lebih fleksibel dan berkembang. Ini membuatkan peranan *al-qarīnah* menarik untuk dikaji. Melalui peredaran masa dan perkembangan ilmu, peranan *al-qarīnah* ini menjadi semakin signifikan dan penting. Jika dahulu, para sarjana telah mengklasifikasikan *al-qarīnah* ini sebagai instrumen tambahan atau sampingan, namun hari ini kedudukan *al-qarīnah* ini mungkin sudah berbeza. Melalui perkembangan ilmu sains umpamanya, pengetahuan mengenai penyiasatan jenayah telah semakin berkembang sehingga lahirnya bidang sains forensik (Ahmad Syukran *et al*, 2015a). Kajian ini membahaskan isu forensik jenayah dalam pensabitan hukum dengan mengkaji keserasiannya dengan konsep *al-qarīnah* yang telah digariskan oleh sarjana Islam.

Umumnya, rasional kajian ini dilakukan adalah kerana prosedur pembuktian kes jenayah bunuh dewasa ini menjadi semakin rumit dan kompleks. Permasalahan ini memerlukan satu proses semakan dan penambahbaikan secara konsisten dan

berterusan. Oleh itu, kajian ini dilakukan sebagai langkah penambahbaikan kepada permasalahan-permasalahan yang timbul.

### 1.3 Penyataan Masalah

Kajian ini dijalankan berpandukan permasalahan berikut; **Pertama**, terdapat khilaf sarjana mengenai kesahan *al-qarīnah* dalam undang-undang keterangan Islam. Dalam perbahasan undang-undang keterangan Islam, para sarjana bersepakat mengenai pensabitan melalui *al-shahādah* (persaksian) dan *al-iqrār* (pengakuan). Di samping itu terdapat juga beberapa instrumen pensabitan yang tidak disepakati penggunaannya di mahkamah seperti *al-qarīnah* (Zulfakar, 1997). Kesukaran untuk proses pembuktian berdasarkan persaksian dan ikrar dewasa ini amat berhajatkan kepada penyelesaian. Apakah harus *al-qarīnah* ini menggantikan kedudukan *shahādah* dalam undang-undang keterangan?

**Kedua**, kajian ini membincangkan perbahasan mengenai *al-qarīnah* kontemporari dalam pembuktian jenayah bunuh. *Al-Qarīnah* menurut majoriti sarjana silam menegah penggunaan *al-qarīnah* dalam pensabitan darah. Ini menyebabkan perbincangan mengenai perkara ini kurang dibincangkan kecuali oleh sarjana Islam terkemudian. Oleh itu terdapat perbezaan pandangan yang ketara antara pandangan yang menerima dan menolak. Kajian ini menghimpunkan dan menganalisis kedua pandangan ini bagi menilai kesahan *al-qarīnah* dalam pembuktian jenayah bunuh menurut perundangan Islam.

**Ketiga**, penyelidik berhasrat mengkaji keluasan penggunaan konsep *al-qarīnah* kepada perbahasan *al-qarīnah* kontemporari. *Al-Qarīnah* berkembang selari dengan perkembangan ilmu dan mempunyai kaitan yang signifikan dengan lapangan sains forensik. Apakah terdapat persamaan dari sudut konsep dan prinsip antara *al-*

*qarīnah* dan sains forensik? Keserasian prinsip dan konsep membolehkan perbincangan ilmu sains forensik diasimilasi dan disesuaikan ke dalam cakupan bidang *al-qarīnah*. Menerusi penelitian terhadap konsep *al-qarīnah* dalam pemahaman klasikal, kajian akan diperluas kepada bidang perundangan semasa dan bidang forensik jenayah. Dapatan daripada kajian multidisiplin ini diharap dapat memberi nilai tambah kepada perbahasan *al-qarīnah*.

Keseluruhan permasalahan yang telah dinyatakan dijangka akan diatasi melalui kajian ini. Secara umumnya, hasil daripada kajian ini boleh memberi nilai tambah serta pengkayaan kajian akademik dalam bidang kehakiman dan perundangan syariah serta proses pembuktian kes jenayah bunuh.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini adalah bertujuan untuk:

- i. Menganalisis pendapat pakar perundangan Islam tentang *al-qarīnah* sebagai bahan bukti jenayah bunuh.
- ii. Menganalisis *al-qarīnah* kontemporari menurut perundangan Islam.
- iii. Mengemukakan panduan *al-qarīnah* sebagai pembuktian jenayah bunuh menurut perundangan Islam.



## 1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan merungkai beberapa persoalan berikut;

- i. Apakah pendapat pakar perundangan Islam tentang *al-qarīnah* sebagai bahan bukti jenayah bunuh?
- ii. Bagaimanakah *al-qarīnah* kontemporari menurut perundangan Islam?
- iii. Bagaimanakah panduan *al-qarīnah* sebagai pembuktian jenayah bunuh menurut perundangan Islam?

## 1.6 Kepentingan Kajian

Dapatan daripada kajian ini diharap mampu memberi implikasi positif kepada pihak yang berkaitan. **Pertama**, kepentingan kepada kerajaan dan pihak berwajib. Kajian ini dikemukakan selaras dan relevan dengan dasar dan polisi kerajaan yang berhasrat mengurangkan kadar jenayah dalam negara kita. Ia merupakan salah satu daripada tujuh (7) inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (*National Key Result Area* - NKRA) di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP1) (GTP, 2010). Hukuman dalam Islam mampu mengurangkan kadar jenayah kerana tujuannya tidak terhad kepada hukuman sahaja, tetapi turut bertindak sebagai mekanisme mendidik masyarakat (*deterrence to society*) (Abdul Hakim, 2016).

**Kedua**, kepentingan kepada institusi perundangan Islam. Dari sudut praktikal, penyelidikan ini memberi nilai tambah kepada perbincangan aplikasi undang-undang keterangan Islam dan amalan sains forensik. Dalam undang-undang keterangan, pembuktian yang tepat dan jelas adalah asas terpenting dalam proses menegakkan keadilan. Tanpa keterangan yang tepat dan benar, keadilan tidak dapat ditegakkan. Oleh yang demikian, syariat Islam memberikan satu garis panduan yang

ketat dalam menilai kesahihan sesuatu keterangan yang diberikan (Mahmud Saedon, 1990).

**Ketiga**, kepentingan kepada pengamal perundangan Islam. Kajian ini memberi nilai pengkayaan terhadap perbincangan ilmu iaitu dalam bidang *al-qarīnah* dalam pembuktian jenayah bunuh. Penyelidikan ini dikemukakan kerana ia sangat signifikan untuk memahami prosedur dan amalan pembuktian jenayah (*adillah jinaiyyah*) dalam Islam. Dengan ini, para penyelidik, pensyarah, sarjana, hakim dan penguam yang berkaitan dapat mengambil manfaat daripada hasil kajian ini.

## 1.7 Batasan kajian

Pengkaji akan mengfokuskan kajian ini kepada pembuktian *al-qarīnah* dalam bahagian yang khusus, iaitu berkisar jenayah bunuh. Ini memandangkan bidang pembuktian jenayah dalam Islam adalah satu bab yang sangat luas meliputi pelbagai kes seperti hudud, qisas dan takzir. Jenayah qisas pula meliputi jenayah bunuh dan mencederakan. Oleh kerana itu, kajian ini dihadkan kepada satu skop pembuktian sahaja iaitu pensabitan hukuman bagi jenayah bunuh bagi menghasilkan kajian yang lebih berfokus dan berkualiti.

## 1.8 Definisi Istilah

Definisi istilah ini membincangkan beberapa perkataan kunci dalam tajuk tesis ini, iaitu perkataan *al-qarīnah*, pembuktian, dan jenayah bunuh.

### 1.8.1 Al-Qarīnah

Takrifan *al-qarīnah* yang digunakan dalam kajian ini mengambil definisi berikut;

استنباط الشارع أو القاضي لأمر مجهول من أمر معلوم

“Pengeluaran hukum oleh kadi untuk sesuatu yang tersembunyi daripada sesuatu yang dimaklumi.” (Farj, 2003)

### 1.8.2 Pembuktian

Menurut Muhammad Mustafa Al-Zuhaylī (1982) dalam bukunya *Wasāil al-Ithbāt fī Sharī'ah Islāmiyyah* menyatakan bahawa pembuktian dari sudut istilah bermaksud;

إقامة الحجة امام القضاء بالطرق التي حددها الشريعة على حق أو واقعة  
تترتب عليها اثار الشرعية.

“Penegakkan hujah di hadapan mahkamah, dengan cara-cara yang telah ditetapkan oleh undang-undang, ke atas sesuatu hak atau peristiwa, yang akan mempunyai kesan-kesan perundangan.”

### 1.8.3 Jenayah Bunuh

Jenayah bunuh dalam kajian ini mengambil tafsiran Ahmad Fathi Bahnasi (1989) iaitu;

أن يعتمد الجاني ضرب المجنى عليه بسلاح أو نحوه لإزهاق روح المجنى عليه.

“Perbuatan sengaja penjenayah yang memukul mangsa dengan senjata dan seumpamanya untuk menghilangkan ruh (membunuh) mangsa”

## 1.9 Kajian Lepas

Perbincangan mengenai kajian lepas dikupas mengikut kategori berikut: kajian klasikal, kajian terkini, dan kajian tempatan;

### 1.9.1 Sorotan Kajian Klasikal

Perbincangan berkenaan undang-undang keterangan Islam telah melalui satu perbincangan yang panjang. Perbahasan mengenai undang-undang keterangan ini secara umumnya dapat dilihat dalam kebanyakan kitab rujukan silam. Perkara ini boleh dirujuk dalam rujukan utama mazhab yang empat; iaitu mazhab Hanafi, Maliki, Syafii dan Hanbali. Dalam mendalami konsep asas mengenai pensabitan dalam perundangan Islam, penyelidik memilih rujukan fiqh daripada dua kategori iaitu kitab-kitab *al-mu'tamad* dan rujukan fiqh daripada sarjana yang lebih terkemudian. Kajian turut menggunakan beberapa kitab tafsir dan terjemahan al-

Quran bagi memperkukuh pemahaman terhadap dalil dan pendalilan yang dibincangkan sarjana.

Bagi kategori pertama diakui terdapat beberapa pendapat berkenaan rujukan utama bagi setiap mazhab. Oleh kerana itu penyelidik berpandukan pandangan berikut dalam memilih rujukan (Lampiran C1). Malahan keluasan perbincangan dan penulisan sarjana silam tidak mungkin diwakilkan dengan beberapa judul kitab sahaja. Justifikasi pemilihan rujukan utama berikut adalah bertujuan untuk memahami asas pensabitan dalam perundangan Islam serta pemakaian konsep *al-qarīnah* dalam pensabitan hukum. **Pertama**, bagi mazhab Hanafi; penyelidik memilih kitab *Badāi' Al-Şanāi'* tulisan Al-Kasānī (1986). **Kedua**, daripada mazhab Maliki; tulisan Ibn Rusyd (2004) iaitu *Bidāyah Al-Mujtahid Wa Nihāyah Al-Muqtasid*. **Ketiga**, bagi mazhab Syafii; kajian ini memilih kitab *al-Umm* karya Al-Syafii (1990) yang wafat pada tahun 820, serta *Tuhfat al-Muhtāj Ilā 'Adillah al-Minhāj* oleh Ibn al-Mulaqqin (1985). **Keempat**, dari mazhab Hanbali pula; kitab *al-Mughnī* karya Ibn Qudāmah (1968).

Penulisan oleh Al-Kasānī (1986), melalui *Badāi' Al-Şanāi'* telah banyak mengulas mengenai perundangan Islam. Dalam penulisan ini, terdapat perincian mengenai perihal hakim dalam *adab al-qādi*, perincian mengenai jenayah hudud seperti mencuri (*al-sirqah*) dan merompak (*qita' al-toriq*), serta perbahasan mengenai *al-iqrār* dan *al-jināyah*. Dalam perbahasan *al-iqrār*, penulis telah meletakkan *al-qarīnah* sebagai satu kaedah dalam menguatkan sesuatu penyaksian. Manakala, dalam mengulas kaedah pensabitan jenayah qisas dalam bab *al-jināyah*, kaedah *al-qarīnah* turut digunakan. Penulis menyatakan apabila terdapat bukti keadaan yang kuat (*al-qarīnah*) menunjukkan jenayah bunuh telah berlaku, tertuduh perlu melakukan sumpah untuk menafikannya. Keengganan tertuduh untuk bersumpah akan membawa kepada hukuman qisas (dalam hal mencederakan) dan hukuman diat (dalam hal kematian). Tulisan ini juga memuatkan beberapa contoh pandangan mazhab Hanafi yang mengaplikasikan kaedah *al-qarīnah* (Al-Kasānī, 1986). Antaranya ialah;

- i. Jika seseorang pemilik berdiam diri apabila seseorang memegang hadiah atau sedekahnya, itu adalah tanda bahawa dia mengizinkan.
- ii. *Al-Hiyāzah* (penguasaan sesuatu) adalah *al-qarīnah* bagi pemilikan harta.
- iii. Dalam hak pinangan, tindakan diam atau ketawa (suka) adalah tanda seseorang anak dara itu bersetuju dengan perkara tersebut.
- iv. Ucapan tahniah atas kelahiran anak (oleh masyarakat kepada ibu bapa) adalah salah satu tanda pensabitan nasab.

Tulisan *Bidāyah Al-Mujtahid Wa Nihāyah Al-Muqtasid* turut membahaskan perkara asas dalam perundangan Islam. Ibn Rusyd (2004) juga membincangkan pandangan mazhab Maliki yang terkait dengan kaedah *al-qarīnah* seperti; diterima penggunaan kaedah *al-lauth* (اللوث) sebagai *al-qarīnah* bagi jenayah bunuh, dan pensabitan hukuman meminum arak dengan bau atau muntah.

Karya agung *al-Umm* telah memuatkan beberapa bahagian dalam menghurai konsep pensabitan dan perundangan Islam. *Al-Umm* telah membahaskan bab *al-'Aqdiah* (Penghakiman) yang menyentuh tajuk seperti *adab al-qādi*, *al-iqrār*, *al-shahādah*, *al-yamīn*, pendakwaan, dan pembuktian (Al-Syafii, 1990). Namun perbincangan mengenai istilah *al-qarīnah* dan *al-qarain* tidak disebut secara jelas dalam karya ini. Walaupun demikian, istilah ini telah muncul dalam kitab *al-mu'tamad* bagi mazhab syafie setelah itu. Misalnya kitab *Tuhfat al-Muhtāj Ilā 'Adillah al-Minhāj* oleh Ibn al-Mulaqqin (1985), telah menggunakan kaedah *al-qarīnah* dalam beberapa tempat dalam penulisannya ini. Ibn al-Mulaqqin telah menyebut *al-qarīnah* sebagai satu kaedah pensabitan semasa membahaskan bab *al-iqrār*, dan *da'wa al-dam* yang bersangkutan dengan dakwaan bunuh. Menurut Al-Zuhaylī (1982), pandangan sarjana mazhab Syafii yang menggunakan kaedah *al-qarīnah* adalah lebih daripada seratus (100) perkara.

Dalam kitab *al-Mughnī* oleh Ibn Qudāmah (1968) pula, kaedah *al-qarīnah* boleh didapati pada empat puluh lima (45) permasalahan yang berlainan. Misalannya, Ibn Qudāmah meletakkan *al-qarīnah* sebagai kaedah dalam mengukuhkan sumpah seseorang. Aplikasi kaedah juga dapat dilihat misalannya dalam karya *al-Ahkām al-Sultāniah* tulisan al-Māwardī (2006), serta *al-Siyāsah al-Syar'iah* dan *al-Majmū' al-Fatāwa* oleh Ibn Taimiyyah (1997).

Bagi kategori kedua, rujukan perbincangan mengenai *al-qarīnah* secara lebih terperinci pula dilihat dalam kitab *al-Turūq al-Hukmiah*. Ia adalah satu kitab mengenai asas hukum oleh Ibn Qayyim al-Jauziah. Walaupun perbincangan mengenai *al-qarīnah* telah dibincangkan dalam karya-karya penulisan sebelumnya, kitab *al-Turūq al-Hukmiah* ini telah membawa perbincangan *al-qarīnah* dengan lebih mendalam. Dalam penulisannya ini, Ibn Qayyim telah banyak mengaplikasikan kaedah *al-qarīnah* dalam menyelesaikan pelbagai permasalahan (Ibn Qayyim, 2007). Ibn Farhūn dalam tulisannya *Tabsirah al-Hukkām* (1986) juga dengan secara jelas telah mengiktiraf kesahan *al-qarīnah* sebagai satu kaedah dalam pensabitan hukum. *Al-Qarīnah* telah disebut sebaris dengan kaedah pensabitan hukum utama seperti *al-bayyinah* dan *al-shahādah*. Beliau turut menulis satu bab yang khusus mengenai penggunaan *al-qarīnah* dalam pendalilan empat mazhab yang utama. Perbincangan mengenai *al-qarīnah* ini semakin banyak dibahaskan oleh generasi sarjana Islam selepasnya seperti dalam kitab *Hāshiyatā Qalyūbi Wa 'Umairah* oleh al-Qalyūbi dan 'Umairah (1995), *Tufhat al-Muhtāj fī Sharhi al-Minhāj* oleh Ibnu Hajar al-Haythāmī (1983) dan *Nihāyah al-Muhtāj Ilā Sharhi al-Minhāj* oleh al-Ramlī (1984), *I'ānah al-Tālibīn* oleh al-Bakrī al-Dumyāti (1997) dan lainnya.

Pemahaman penyelidik terhadap dalil al-Quran yang digunakan sebagai pendalilan *al-qarīnah* disokong dengan rujukan beberapa kitab tafsir yang muktabar. Penyelidik menggunakan tiga kitab tafsir dan satu terjemahan bahasa melayu. Tafsir yang dirujuk adalah Tafsir Al-Ṭabarī, Tafsir Qurtūbī, dan Tafsir Ibn Kathīr. Manakala terjemahan al-Quran diambil daripada Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran.

Menerusi pembacaan rujukan-rujukan klasikal tersebut, penyelidik mendapati walaupun kebanyakan sarjana tidak meletakkan bab yang khusus, mereka telah mengaplikasikan kaedah *al-qarīnah* dalam menyelesaikan permasalahan hukum. Antara mereka ada yang meletakkan *al-qarīnah* sebagai salah satu kaedah pensabitan hukum secara jelas, sementara sebahagian yang lain menggunakan petanda (الأمارات) dan alamat (العلامات) yang kuat sebagai pemberat dalam penghukuman tanpa menyebut istilah *al-qarīnah*. Al-Zuhaylī (1982) menyatakan, kemungkinan sarjana Islam dahulu tidak menyebut *al-qarīnah* dalam satu bab yang khusus adalah sebagai langkah berjaga-jaga. Menurutnya, aplikasi *al-qarīnah* memerlukan kekuatan akal dalam berfikir, pengetahuan yang luas, serta hati yang ikhlas dalam mencari penyelesaian, sekaligus mereka yang tidak mempunyai ciri ini akan cenderung untuk melakukan kesilapan dan membuat penghakiman yang salah.

### 1.9.2 Sorotan Kajian Terkini

Antara tulisan yang mempunyai kaitan dengan kajian ini ialah sebuah penulisan bertajuk *Wasāil al-Ithbāt fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah* oleh Muhammad Mustafa Al-Zuhaylī (1982). Tulisan ini adalah sumber rujukan yang menarik bagi memahami gambaran keseluruhan mengenai pensabitan jenayah dalam syariat Islam. Menurut Al-Zuhaylī (1982), terdapat tujuh kaedah pensabitan dalam Islam iaitu; *al-shahādah*, *al-iqrār*, *al-yamīn*, *al-kitābah*, *al-qarīnah*, *'ilmu al-qādi*, dan *al-khibrah*. Penulisan ini telah membahaskan kaedah *al-qarīnah* dari sudut klasikal dengan menyeluruh terutama takrifan, hukum, serta contoh aplikasi bagi *al-qarīnah*.

Seterusnya adalah kajian yang ditulis oleh Dr Ibrahim Muhammad Faiz, seorang pensyarah di Riyadh. Ibrahim (1982) telah menulis satu kajian yang bertajuk *al-Ithbāt bil Qarāin fī al-Fiqh al-Islāmī*, yang bermakna pensabitan dengan menggunakan *al-qarīnah* dalam fiqh Islam. Kajian ini menyentuh konsep *al-qarīnah*, dalil-dalil pensyariatannya dan pembahagiannya. Penulis turut membincangkan aplikasi



*al-qarīnah* dalam beberapa aspek dalam perundangan Islam. Walaubagaimanapun, penulis tidak menghuraikannya dengan terperinci. Ini termasuklah perbincangan tentang hudud dan qisas itu sendiri.

Melihat kepada penulisan terbaharu pengkaji mendapati penulisan mengenai *al-qarīnah* kontemporari (القرائن المعاصرة) semakin banyak dibincangkan dalam penulisan tesis sarjana dan doktor falsafah. Antaranya ialah penulisan sarjana oleh Abu Al-Haj (2005) bertajuk *Daur Qarāin al-Hadīthah fī al-Ithbāt fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*. Seterusnya penulisan sarjana oleh Abdul Qādir Idris (2005) bertajuk *al-Ithbāt bī al-Qarāin fī al-Fiqh al-Islāmī*. Dari hasil pembacaan pengkaji kedua penulisan ini telah membincangkan *al-qarīnah* kontemporari dalam bentuk yang umum, iaitu hanya menyentuh beberapa isu sahaja. Sekaligus meninggalkan beberapa jurang kajian terutama dalam penulisan berfokus kepada pembuktian jenayah bunuh. Abdullah Ali Fahd (2011) pula dalam tulisan bertajuk *Daur Qarāin fī al-Ithbāt al-Madanī* telah mengupas perbezaan *al-qarīnah* dalam perspektif perundangan Islam dan perundangan civil. Tulisan ini cuba menonjolkan kepentingan *al-qarīnah* dalam kedua-dua perundangan.

Terkini, satu persidangan telah diadakan di Arab Saudi membincangkan mengenai *al-Qarāin al-Ṭibbiyyah al-Mu'āsarah wa Athāruhā al-Fiqhiyyah* (2014). Pelbagai pembentang telah berbincang mengenai sudut pandang fiqh dalam sudut aplikasi *al-qarīnah ṭibbiyyah* (khusus kepada sains forensik dalam bab bukti biologi) dalam keadaan semasa. Isi perbincangan persidangan berlegar dalam isu DNA seperti penentuan nasab dan sebagainya. Bukti biologi sememangnya satu topik yang sangat signifikan dengan *al-qarīnah* kontemporari dalam jenayah bunuh. Walaubagaimanapun, masih terdapat pelbagai instrumen sains forensik yang berkaitan dengan jenayah bunuh yang tidak dibincangkan seperti bukti cap jari, bukti senjata, bukti teraan, bukti tinggalan, bukti data dan sebagainya.

### 1.9.3 Sorotan Kajian Tempatan

Dalam tinjauan literatur tempatan pula, terdapat beberapa karya yang signifikan sebagai rujukan bagi kajian ini. Kajian mengenai *al-qarīnah* telah mula diterokai sarjana tempatan seawal tahun 90-an. Dr Zulfakar Ramlee (1997) telah melengkapkan pengajian doktor falsafahnya di Glasgow Caledonian University. Tulisan kajiannya bertajuk *The Role of Al-Qarīnah (Circumstantial Evidence) in Islamic Law of Evidence: A Study of the Law in Malaysia, With Reference to the Rules and Principles of English Law*. Kajian ini berfokus kepada isu perbandingan antara perundangan Islam, undang-undang Islam di Malaysia dan undang-undang barat.

Seterusnya, kajian mengenai *al-qarīnah* dan Pemakaiannya Dalam Kehakiman Islam oleh Mohd Noor (2003). Secara umumnya, kajian ini membahaskan konsep pembuktian dan keterangan dalam Islam yang menjadi titik tolak perbincangan kepada tajuk *al-qarīnah*. Pengkaji turut menghuraikan mengenai pemakaian *al-qarīnah* dalam kesalahan-kesalahan hudud dengan baik. Kajian ini turut membahaskan *al-qarīnah* kontemporari secara umum. Walaubagaimanapun, aspek mengenai pelaksanaan *al-qarīnah* dalam perkara selain jenayah hudud tidak dibincangkan.

Ruzman Md. Noor (2007) pula telah menulis sebuah kertas kajian yang bertajuk *Kedudukan Bayyinah, Syahadah dan al-qarīnah dalam Penggubalan Undang-undang Keterangan Islam di Malaysia*. Kajian ini cuba untuk menganalisis metodologi penggubalan undang-undang keterangan Islam di Malaysia dalam kerangka prinsip *bayyinah*, *shahādah* dan *al-qarīnah*. Artikel ini memberi pencerahan dalam pelaksanaan undang-undang tanahair. Walaubagaimanapun, penulis tidak menyentuh aplikasi *al-qarīnah* dalam jenayah bunuh.

Sebuah hasil kajian yang ditulis oleh Lukman Abdul Mutalib (2009) yang bertajuk *Al-Qarīnah: Antara Kekuatan dan Keperluan dalam Mensabitkan Kesalahan Jenayah* juga menarik untuk dirujuk. Kajian ini telah membincangkan mengenai keluasan pelaksanaan *al-qarīnah* dengan baik. Akan tetapi, huraian tajuk terhadap kepada perbincangan yang umum dan penelitian kepada bab-bab yang lebih khusus masih belum dibincangkan.

#### 1.9.4 Rumusan Kajian Lepas


Bertitik tolak dari dapatan daripada kajian-kajian sebelum ini, didapati kajian terdahulu dilihat kurang menyentuh mengenai aplikasi *al-qarīnah* dalam aspek yang mikro (kecil dan terperinci) dalam pembuktian jenayah bunuh. Kajian terdahulu banyak difokuskan kepada aspek makro (umum dan menyeluruh) dalam kajian *al-qarīnah*. Aspek makro yang dimaksudkan adalah perbincangan kajian berkenaan aspek klasikal; takrifan, hukum dan pendalilan yang telah dibincang secara mendalam oleh para sarjana terdahulu. Penjelasan makro yang teliti ini telah membantu kepada penyelidik menguasai asas *al-qarīnah* dengan lebih baik. Terdapat sebahagian sarjana telah membincangkan aplikasi *al-qarīnah* secara mikro dalam perbincangan hudud. Namun demikian, perbincangan sarjana dilihat kurang membincangkan mengenai aplikasi instrumen ini terhadap jenayah seperti jenayah bunuh. Seperti itu juga, kajian dalam aspek *al-qarīnah* kontemporari (القرائن المعاصرة) dalam jenayah bunuh didapati kurang dibincangkan sekaligus dilihat menjadi satu peluang bagi kajian lanjutan dilakukan.

Pengkaji melihat jurang ini sebagai satu potensi penambahbaikan terhadap perbincangan *al-qarīnah*. Melihat kepada keperluan ini, perbincangan kajian ini dilakukan dalam bentuk yang lebih terperinci dengan menggunakan kajian berbentuk kajian dokumentasi dan analisis kandungan kualitatif. Pemilihan dua reka bentuk

kajian ini bertujuan untuk menggarap aspek klasikal dan kontemporari dalam perbahasan *al-qarīnah* dengan teliti dan mendalam.

### **1.10 Metodologi Kajian**

Metodologi kajian adalah umpama jantung kepada sesuatu penyelidikan. Kegagalan dalam menetapkan metodologi yang tepat akan menyukarkan perjalanan sesebuah kajian. Kajian ini menggunakan dua reka bentuk kajian kualitatif iaitu kajian dokumentasi (*Documentary Research*) dan analisis kandungan kualitatif (*Qualitative Content Analysis*). Bahagian ini turut membincangkan aspek tatacara kajian, sampel dan pensampelan, kaedah pengumpulan data, analisis data, serta kesahan dan kebolehpercayaan. Menurut (Wiersma, 1995); Metodologi atau prosedur kajian adalah teras utama, di mana setiap langkah perlu dihuraikan dengan terperinci, di samping perlunya ada kesinambungan antara langkah-langkah tersebut. Kerangka kajian keseluruhan disimpulkan dalam rajah 1.2 berikut;



**Rajah 1.2** Kerangka Kajian

### 1.10.1 Reka Bentuk Kajian.

Kajian ini adalah sebuah penyelidikan berbentuk kualitatif. Penyelidikan adalah satu proses penyiasatan saintifik yang bertujuan untuk menghasilkan penemuan dan penggunaan fakta baru (Parker, 1997). Menurut Myers (1997), kajian kualitatif adalah satu bentuk kajian sains sosial yang membolehkan para pengkaji untuk meneliti fenomena kebudayaan dan sosial. Denzin dan Lincoln (1994) menyatakan bahawa penyelidikan kualitatif ini adalah sebuah penyelidikan yang melibatkan pelbagai bentuk kaedah penyelidikan secara berfokus, termasuk penggunaan pendekatan natural untuk menyelidik sesuatu objek.

Mason J (1996) dalam tulisannya *Qualitative Researching* pula menyatakan melalui kajian berbentuk kualitatif, pengkaji akan dapat meneroka dimensi yang luas dalam dunia sosial. Ini termasuklah tekstur kehidupan seharian, serta mendalami pengalaman dan perasaan para responden yang terlibat. Penyelidikan berbentuk kualitatif juga boleh difahami sebagai satu kajian yang menghasilkan sesuatu penemuan bukan dari kaedah statistik dan numerikal (Strauss dan Corbin, 1998).

Antara bentuk metod yang sinonim dengan penyelidikan kualitatif ini adalah seperti etnografi, historiografi, teori beralas, kajian kes dan lain-lain. Penyelidikan kualitatif adalah pelengkap kepada jurang yang ditinggalkan kajian kuantitatif kerana sesetengah persoalan kajian tidak mudah dijawab melalui kaedah kuantitatif, tetapi memerlukan penjelasan kualitatif dalam memahami fenomena manusia (Babbie, 2004).

Kesesuaian dalam pemilihan kajian jenis kualitatif ini adalah berpandukan kepada tiga ciri berikut (Yang dan Miller, 2008);

1. Kajian kualitatif bersifat epistemologi dan tidak positivistik.
2. Kajian kualitatif menggunakan kaedah memahami maksud dan tidak mengumumkan hubung-kait serta sebab dan akibat.
3. Kajian kualitatif menggunakan kaedah yang tidak beroperasi secara numerikal.

Bagi menyempurnakan kajian ini, dua reka bentuk kajian telah digunakan sebagai metodologi kajian. Iaitu pertama reka bentuk kajian dokumentasi (*documentary research*) dan kedua analisis kandungan kualitatif (*qualitative content analysis*).

#### **1.10.1.1 Kajian Dokumentasi (*Documentary Research*)**

Kajian Dokumentasi boleh didefinisikan sebagai satu proses menghimpunkan data dari dokumen-dokumen yang terkait dengan permasalahan kajian. Data ini seterusnya akan disaring dan dianalisis. Menurut Wellington, Kajian Dokumentasi turut dikenali sebagai Kajian Berasaskan Dokumen. Kajian Dokumentasi mempunyai sumber dapatan yang sangat luas. Hal ini kerana perkataan ‘dokumen’ ini mencangkupi kesemua jenis media dan hasil penulisan yang ada. Ini sekaligus menjadikan Kajian Dokumentasi ini menjadi fokus utama dalam bidang penyelidikan pengajian atau *Educational Research* (Wellington, 2000). Terdapat beberapa perbezaan antara Kajian Dokumentasi dan soratan literatur seperti dalam rajah 1.3 berikut (Lankshear dan Knobel, 2004):

Jenis kajian	<b>Kajian Dokumentasi</b>	<b>Sorotan Literatur</b>
Tujuan Kajian	Mengisi jurang ( <i>gap</i> ) dalam permasalahan yang dikaji	Mencari jurang ( <i>gap</i> ) dalam permasalahan yang dikaji
Fungsi Kajian	Digunakan bagi menjayakan kerangka teori	Digunakan untuk membina kerangka teori
Teknik Kajian	-Pengurusan Sampel -Pengkodan data (Kod dan Tema) -Analisis Data	Pengumpulan Dan Pemerhatian Data

**Rajah 1.3** Perbezaan antara Kajian Dokumentasi dan Soroton Literatur

Kajian dalam sains sosial sering dikaitkan dengan kajian berbentuk kaji selidik dan temubual. Kebanyakan pengkaji hanya meletakkan kajian dokumentasi sebagai metodologi tambahan (*secondary, supplementary method*) bagi menyokong kajian mereka. Walaubagaimanapun, Scott (1990) menyatakan rujukan-rujukan dalam bidang metodologi kajian secara umumnya gagal mengenalpasti kekuatan metodologi ini sekaligus tidak mengiktirafnya sebagai reka bentuk kajian. Antara kajian terkini yang menggunakan kajian dokumentasi (*documentary research*) sebagai reka bentuk kajian adalah kajian doktor falsafah (Phd) oleh Mohammad Amir (2016) dengan tajuk Pembinaan Model Pelan Pemakanan Berdasarkan Prinsip Halalan Tayyiban.

Ahmed (2010) telah mengumpulkan kelebihan reka bentuk kajian dokumentasi berpandukan pandangan dari beberapa penulisan lain (seperti Herbert (1990), Webb *et al* (1981, 1984), Polit dan Hungler (1991), Bailey (1982)). Menurutnya, kajian dokumentasi mempunyai kelebihan dari segi sumber data yang telah tersedia. Sumber metodologi ini juga boleh didapati dari pelbagai medium,



sama ada bacaan klasikal dan terkini, serta dalam bentuk cetakan (*hardcopy*) dan salinan lembut (*softcopy*). Data yang dikumpulkan bagi tujuan ini juga adalah lebih menjimatkan sekaligus lebih ekonomikal bagi para pengkaji. Dari sudut pengumpulan data, kajian dokumentasi bersifat tepat dan konsisten kerana tidak terkesan dengan bias daripada responden. Para pengkaji juga tidak perlu hadir semasa proses pengumpulan data, tidak seperti kaedah temuduga misalnya. Reka bentuk ini juga sangat bermanfaat dalam pembinaan hipotesis dan permasalahan kajian.

Walaupun, kajian dokumentasi juga dikenali mempunyai beberapa kekurangan dan kelemahan. Analisis data literatur terhad sekadar keterbatasan sumber data. Sumber data juga terdedah kepada kesalahan dan ketidaktepatan maklumat daripada penulis asal, serta maklumat data yang hilang ataupun tidak lengkap. Bagi para pengkaji pula, proses pengumpulan data terdedah kepada kecenderungan (bias) dan isu integriti, iaitu adakah data yang diambil benar-benar mewakili keseluruhan dokumen atau sekadar sebahagian sahaja. Pengkaji juga berkemungkinan untuk mengambil dokumen di luar konteks kajian yang dilakukan (Bailey, 1982; 1994; Treece dan Treece, 1982; Stewart, 1984; Webb et al, 1984; Hakim, 1993). Maklumat bagi kelebihan dan kekurangan bagi reka bentuk kajian berbentuk kajian dokumentasi boleh disusun seperti berikut (Jadual 1.1);

**Jadual 1.1** Kelebihan dan Kekurangan Kajian Dokumentasi

<b>Kelebihan</b>	<b>Kekurangan</b>
1. Sumber data sedia ada.	1. Kajian terhadap kepada data yang ada (data availability)
2. Sumber yang pelbagai.	2. Kemungkinan data tidak tepat.
3. Data lebih ekonomikal.	3. Kemungkinan data tidak lengkap atau hilang.
4. Data tidak berkecenderungan ( <i>unbiased</i> ) dari sudut responden.	4. Kecenderungan (bias) dalam pemilihan data.
5. Pengkaji tidak perlu hadir semasa proses pengumpulan data.	5. Adakah data mewakili kesuruhan dokumen yang dirujuk?
6. Sesuai untuk merumus hipotesis dan permasalahan kajian.	6. Kemungkinan data di luar konteks kajian.

### 1.10.1.2 Analisis Kandungan Kualitatif (*Qualitative Content Analysis*)

*Qualitative Content Analysis* adalah antara kaedah dalam menganalisis teks dalam lapangan sains sosial (Mayring, 2014). Menurutnya, selain daripada kaedah ini, teks boleh dianalisis menggunakan kaedah seperti etnografi (*ethnography*), teori beralas (*grounded theory*), analisis biografik (*biographical analysis*), analisis fenomenal (*phenomenological analysis*) dan lainnya.

Kaedah analisis kandungan adalah teknik penyelidikan kualitatif yang digunakan secara meluas pada masa ini, namun sebenarnya teknik ini telah digunakan sejak kurun ke-18 di Scandinavia (Hsiu dan Sarah, 2005). Analisis kandungan kualitatif boleh difahami sebagai kaedah penyelidikan yang memberi tafsiran subjektif kepada kandungan teks melalui proses klasifikasi dan mengenal pasti tema dari data.

Penyelidik memilih reka bentuk kajian analisis kandungan kualitatif kerana fasa II dan III kajian ini menfokuskan analisis teks daripada sumber yang telah dikumpulkan. Tambahan pula, menurut Ahmad Sunawari (2011), analisis kandungan adalah metodologi yang sesuai untuk digunakan dalam penyelidikan pengajian Islam. Menurutnya, walaupun aspek epistemologi pengajian Islam banyak berfokus kepada kajian dokumentasi, metodologi penyelidikan moden tetap perlu diberi perhatian, serta disaring bersesuaian dengan metodologi penyelidikan pengajian Islam.

### **1.10.2 Tatacara Kajian**

Rangka kerja kajian ini mengikut fasa-fasa berikut:

i. **Pengumpulan Data**

Pengumpul data akan dilakukan secara analisis dokumen. Data literatur dilihat secara komparatif terhadap pendapat sarjana Islam terdahulu dan semasa berkaitan pembuktian forensik (*'adillah jināiyyah*) dalam kes-kes jenayah. Kaedah yang digunakan adalah analisis teks dan fiqh perbandingan dari kitab-kitab fiqh yang muktabar.

ii. **Analisis Data**

Data digabungkan dan kemudian penyelidik akan membuat penelitian dan saringan menggunakan kaedah analisis data kualitatif untuk dijadikan garis panduan dalam penulisan tesis ini.

### iii. **Membuat Rumusan**

Perbincangan dan cadangan dibuat bagi menghasilkan satu laporan ilmiah yang terperinci tentang pembuktian jenayah bunuh melalui prinsip *al-qarīnah* sebagai satu penambahbaikan polisi dan prosedur yang dilaksanakan pada masa kini.

#### **1.10.3 Sampel dan Pensampelan**

Pensampelan merupakan proses pemilihan unit sampel kajian untuk dianalisis (Noraini, 2013). Tujuan pensampelan adalah bertujuan untuk memperoleh data tentang sesuatu populasi. Terdapat pelbagai jenis strategi dan teknik pensampelan (Noraini, 2013);

- i. Pensampelan Rawak;
  - a. Pensampelan Rawak Mudah.
  - b. Pensampelan Rawak Berlapis.
  - c. Pensampelan Rawak Berkelompok.
  - d. Pensampelan Rawak Dua Peringkat (*Two Stage Sampling*).
  
- ii. Pensampelan Tak Rawak;
  - a. Pensampelan Sistemik.
  - b. Pensampelan Mudah (*Convenience Sampling*).
  - c. Pensampelan Tujuan (*Purposive Sampling*).**
  - d. Pensampelan Kuota.
  - e. Pensampelan Bola Salji.
  - f. Pensampelan Berdimensi.
  - g. Pensampelan Kes Kritikal.
  - h. Pensampelan Variasi Maksimum.

Strategi pensampelan bagi kajian ini mengambil teknik Pensampelan Tujuan (*Purposive Sampling*). Pensampelan tujuan pertimbangan penyelidik dalam memilih sampel, berdasarkan pengetahuan penyelidik dan bagi memenuhi objektif kajian (Noraini, 2013). Menurut Fatimah Idris *et al* (2008), subjek penyelidikan kualitatif dipilih mengikut kriteria yang telah ditetapkan dengan permasalahan yang hendak dikaji. Penyelidikan ini tidak melakukan pemilihan rawak dan sembarangan, tetapi memilih sampel yang sesuai dengan tujuan kajian. Sampel kajian ini secara umumnya boleh diceraikan kepada beberapa sumber. Pembahagian adalah seperti berikut; kitab *al-mu'tamad* mazhab (atau *ummahatul kutub*), rujukan umum (sama ada berkaitan fiqh atau perundangan), kitab tafsir al-Quran, dan rujukan berkaitan sains forensik. Senarai rujukan utama bagi kajian ini dapat dilihat dalam Jadual 1.2.

Prosedur pensampelan ini melibatkan penelitian terhadap rujukan fiqh yang diambil daripada dua kategori yang besar. Iaitu pemilihan sampel daripada kitab-kitab *al-mu'tamad* bagi empat mazhab yang utama, dan rujukan umum terkemudian oleh sarjana seperti Ibn Taimiyyah (1997), Ibn Qayyim (2007), Ibn Farhūn (1986), Al-Zarqa (1998), serta Al-Zuhaylī (1982, 1989). Rujukan dalam kitab *al-mu'tamad* mazhab digunakan untuk memahami konsep perundangan dan pensabitan hukum dalam Islam. Kajian ini turut memilih beberapa kitab tafsir al-Quran bagi memahami pendalilan yang dikemukakan dalam perbincangan sarjana. Rujukan mengenai bidang sains forensik turut dilibatkan dalam kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti elemen yang berkaitan dengan jenayah bunuh dan forensik jenayah.

**Jadual 1.2** Senarai Sampel Kajian

<b>Kitab Al-Mu'tamad Mazhab</b>			
<b>Judul</b>	<b>Pengarang</b>	<b>Wafat</b>	<b>Mazhab</b>
<i>Badāi' Al-Ṣanāi'</i>	Al-Kasānī (1986)	1191	Hanafī
<i>Bidāyah Al-Mujtahid Wa Nihāyah Al-Muqtasid</i>	Ibn Rusyd (2004)	1199	Maliki
<i>Al-Umm</i>	Al-Syafii (1990)	820	Syafii
<i>Tuhfat Al-Muhtāj Ilā 'Adillah Al-Minhāj</i>	Ibn al-Mulaqqin (1985)	1401	Syafii
<i>Al-Mughnī</i>	Ibn Qudāmah (1968)	1223	Hanbali

<b>Rujukan Fiqh</b>	
<b>Judul</b>	<b>Pengarang</b>
<i>Al-Turūq Al-Hukmiah</i>	Ibn Qayyim (2007)
<i>Tabsirah Al-Hukkām</i>	Ibn Farhūn (1986)
<i>As-Siyasah As-Syar'iah</i>	Ibn Taimiyyah (1997)
<i>Al-Madkhal Al-Fiqh Al-'Am.</i>	Al-Zarqa (1998)
<i>Wasāil Al-Ithbāt fī Syariah Islamiah.</i>	Al-Zuhaylī (1982)
<i>Al-Fiqh Islami Wa Adillatuhu.</i>	Al-Zuhaylī (1989)

<b>Rujukan Tafsir</b>	
<b>Judul</b>	<b>Pengarang</b>
Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran.	Abdullah, Syeikh Abdullah Bin Muhammad Basmeih (1996)
<i>Tafsir Ibn Kathīr</i>	Ibn Kathīr (2008)
<i>Tafsir Qurtūbī.</i>	Al-Qurtūbī, Abu Abdullah (1964)
<i>Tafsir Al-Ṭabarī</i>	Al-Ṭabarī, Muhammad bin Jarir (2001)

<b>Rujukan Sains Forensik</b>		
<b>Judul</b>	<b>Pengarang</b>	<b>Pengkhususan</b>
<i>Techniques of Crime Scene Investigation</i>	Fisher, Barry A. J (2004)	Umum
<i>Principles and Practice of Criminalistics: The Profession of Forensic Science.</i>	M.Crim, Keith Inman, & Rudin, Norah. (2001)	Umum
<i>Henry Lee's Crime Scene Handbook.</i>	Lee, Henry C., et al. (2001)	Umum
Pengenalan Sains Forensik	Umi Kalthom Ahmad dan Abdul Rahim Yacob (2003)	Umum
<i>Criminalistics: An Introduction to Forensic Science.</i>	Saferstein, Richard (2001)	Umum
<i>Scientific Examination of Questioned Documents.</i>	Kelly, Jan Seaman and Brian S. Lindblom (2006)	Forensik Dokumen

#### **1.10.4 Kaedah Pengumpulan Data**

Data adalah sebarang bentuk maklumat, sama ada yang didapati daripada bahan-bahan bercetak atau bahan-bahan elektronik. Ia merangkumi audio, video, penulisan, gambar dan sebagainya (Wellington, 2000). Dalam kajian ini, pengkaji menumpukan pengumpulan data dalam bentuk penulisan atau teks. Hasil dari pengumpulan data ini kemudiannya dianalisis secara kualitatif untuk mendapatkan dapatan kajian.

Terdapat pelbagai instrumen atau alat digunakan untuk memungut data bergantung kepada kesesuaian kajian. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan instrumen analisis dokumen (*Document Analysis*) sebagai instrumen utama. Menurut Wellington (2000), metod pengumpulan data menggunakan dokumen mempunyai sumber yang luas dan pelbagai. Antaranya ialah; surat, minit mesyuarat, laporan tahunan, silibus pembelajaran, kertas peperiksaan, skema, dokumen kokurikulum, gambar, rakaman audio, email, buletin, buku, leaflet, bahan-bahan dari internet dan sebagainya.

#### **1.10.5 Analisis Data Kualitatif (Qualitative Data Analysis)**

Analisis data adalah satu proses pengumpulan maklumat yang kemudiannya disusun secara rapi dan sistematik. Analisis adalah proses memberikan makna pada data yang telah dikumpul melalui langkah memecahkan data dan membina konsep bagi mengetahui kaitan dengan keseluruhan penyelidikan (Strauss dan Corbin, 1998).

Kajian ini mengadaptasi metodologi induktif dalam menganalisis data kajian pada fasa I. Melalui metod induktif atau pengemukaan data yang bersifat khusus

untuk membuat kesimpulan yang bersifat umum, analisis akan dibuat berdasarkan data-data yang bakal diperolehi melalui pandangan dan tafsiran para sarjana dalam membincang isu *al-qarīnah*. Rumusan dan cadangan akan dibuat melalui hasil daripada penganalisaan terhadap huraian dan pandangan tersebut (Ee, 1992). Manakala metod deduktif digunakan bagi memenuhi persoalan pada fasa II dan III. Metod deduktif adalah proses membuat kesimpulan khusus dari data-data yang bersifat umum dan pelbagai (Ee, 1992).

Analisis data kualitatif dalam kajian sosial telah banyak dibincangkan dalam bidang sains sosial. Analisis merupakan satu proses memecahkan data kepada kumpulan perincian yang lebih kecil, kemudian perincian ini kembali disusun mengikut tema tertentu. Menurut Blaxter *et al* (1996), analisis adalah mengenai proses mencari penjelasan dan kefahaman dalam usaha untuk membangun dan memajukan suatu konsep dan teori.


Analisis data kualitatif bermula dengan menstruktur tema dan kategori secara sistematik daripada data yang diperolehi. Dalam analisis kualitatif, fokus utama adalah untuk membina metodologi yang sistematik dan kukuh kerana terdapat pelbagai kerangka metodologi telah digunakan dan tiada cara tunggal tertentu yang wajib digunakan pengkaji selagi mana ia mampu menjawab persoalan dan permasalahan kajian (Punch, 1998).

#### **1.10.5.1 Proses Analisis Data**

Proses analisis data kualitatif boleh dilakukan baik dengan cara induktif atau deduktif (Elo, Satu *et al*, 2014). Proses analisis data kualitatif menurut Miles dan Huberman (1994) mempunyai tiga komponen utama (Rajah 1.4) iaitu pengurangan data (*data reduction*), paparan data (*data display*), melakar dan mengesahkan kesimpulan (*drawing and verifying conclusions*). Kesemua proses ini berlaku dalam



tiga fasa kajian; sebelum pengumpulan data, semasa pengumpulan data, dan setelah pengumpulan data telah berjaya dikumpulkan.



**Rajah 1.4** Analisis Data Kualitatif

#### i. Pengurangan Data

Pengurangan Data atau *Data Reduction* adalah proses penukaran maklumat dari suatu bentuk kepada bentuk yang lain untuk memudahkan analisis, penyimpanan, dan sebaran data (Selltiz, Wrightsman and Cook, 1981). Objektif utama proses pengurangan data ini adalah untuk mengurang dan memampatkan (*compress*) maklumat tanpa kehilangan maklumat penting. Proses ini membantu penyelidik untuk mengurus data dan memudahkan proses analisis. Proses pengurangan data juga berlaku pada fasa pertengahan semasa pengkelasan tema dan kluster maklumat, dan berlaku pada fasa akhir semasa proses penerangan dan membina konsep. Penulisan abstrak adalah contoh mudah dalam menunjukkan aplikasi pengurangan data ini.

#### ii. Paparan Data

Data display atau paparan data adalah proses menganalisis data. Paparan data boleh dipersembahkan dalam pelbagai bentuk seperti carta, jadual, dan sebagainya.

Miles dan Huberman (1994) menyatakan paparan data bertujuan menonjolkan isu dan poin utama daripada kajian yang dilakukan. Paparan data adalah proses yang berlaku pada setiap fasa kajian. Ini kerana proses ini membolehkan data yang telah dikumpul untuk disusun dan dirumus. Kemudian, hasil paparan data akan digunakan untuk analisis kajian. Punch (1998) berpendapat analisis kualitatif yang berkualiti perlu melalui proses paparan data berulang kali.

### **iii. Melakar dan Mengesahkan Kesimpulan**

Tujuan utama bagi proses pengurangan dan paparan data adalah untuk memudahkan pengkaji membina rumusan dan kesimpulan. Proses membuat kesimpulan berlaku di hujung kajian. Walaupun demikian, semasa proses pengurangan dan paparan data sedang dilakukan, kesimpulan awal mungkin sudah dapat dikenalpasti.

#### **1.10.6 Kesahan dan kebolehpercayaan**

Pengurusan data berbentuk dokumentasi perlu ditangani secara saintifik seperti kajian-kajian sosial yang lain. Data kajian perlu dipastikan mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan. Kesahan dan kebolehpercayaan menurut Kamarul Azmi (2012) adalah dua konsep penting dalam menilai data kajian. Menurut Scott (1990), terdapat empat kriteria penting dalam menilai dan mengawal mutu (*quality control*) data dokumentasi.

### 1.10.6.1 Kriteria Kesahan dan Kebolehpercayaan Data Dokumentasi

Terdapat empat kriteria kesahan dan kebolehpercayaan bagi data dokumentasi iaitu kesahihan (*authenticity*), kredibiliti (*credibility*), keberperwakilan (*representativeness*), dan bererti (*meaning*);

#### i. Kesahihan

Kriteria kesahihan adalah merujuk kepada ketulenan sumber. Ia adalah kriteria yang penting dalam mana-mana kajian. Sumber kajian dokumentasi berdepan dengan beberapa kelemahan seperti data mampu direka dan dipalsukan. Pengkaji juga perlu mengesahkan pengarang dokumen supaya tiada kesilapan dalam memetik sumber (Scott, 1990). Oleh itu, pengkaji dokumen yang dirujuk mempunyai integriti dan keaslian. Menurut Platt (1981), pengkaji perlu berhati-hati apabila dokumen mempunyai ciri-ciri berikut;

- a. Dokumen mempunyai kesilapan yang jelas dan tidak masuk akal;
- b. Terdapat percanggahan maklumat dan ketidakseragaman gaya;
- c. Dokumen mempunyai pelbagai versi cetakan;
- d. Dokumen diperoleh daripada sumber kedua yang meragukan dan tidak boleh dipercayai;
- e. Apabila dokumen telah berada pada seseorang yang berkepentingan tertentu kepada dokumen tersebut.

#### ii. Kredibiliti

Kredibiliti merujuk kepada kebolehpercayaan sumber dan maklumat, sama ada ia bebas daripada penyelewengan dan kesalahan. Menurut Ahmed (2010), kredibiliti mempunyai dua komponen utama; iaitu kebolehpercayaan (*trustworthiness*) dan kepakaran (*expertise*). Di samping itu, pengkaji juga perlu amanah dalam pengumpulan data, tidak mempunyai kecenderungan tertentu, dan data tidak diubah untuk kepentingan pengkaji (Scott, 1990).

### iii. Keberperwakilan

Persoalan mengenai keberperwakilan adalah bagi menjawab adakah sumber data yang diambil mewakili keseluruhan sumber populasi berkaitan. Dalam kajian dokumentasi, pengkaji perlu memastikan dokumen yang dipilih mewakili keseluruhan topik kajian dengan melihat kepada kesesuaian (*Appropriateness*) dengan tujuan kajian dan berketepatan (*Accuracy*) bagi menjawab persoalan kajian (Scott, 1990).

### iv. Bererti


Kriteria bererti merujuk kepada adakah data yang dikumpulkan jelas dan mudah difahami. Proses analisis dokumen perlu memastikan pemahaman terhadap keseluruhan kandungan dokumen dan memberikan makna signifikan kepada kajian (Scott, 1990).

#### 1.10.6.2 Triangulasi Data

Antara kaedah memperoleh kebolehpercayaan yang tinggi bagi data kualitatif adalah dengan menggunakan kaedah triangulasi data (Wiersma 1991). Ia juga disebut sebagai proses semak silangan (Kamarul Azmi, 2012). Proses triangulasi data mempunyai pelbagai kelebihan dalam memperkukuhkan dapatan sesebuah kajian (Data Triangulation, 2012). Hal ini kerana sumber maklumat tambahan mampu memberi gambaran dan pemahaman yang lebih baik bagi sesuatu topik yang dibincangkan. Data dari sumber yang pelbagai juga membolehkan proses pengesahan dan ketidakselarasan antara data dapat dikesan dengan lebih mudah. Proses triangulasi juga memudahkan pengkaji menganalisis dan membentuk kesimpulan kajian. Dengan ini, dapatan kajian yang lebih komprehensif dapat dihasilkan.

Dalam kajian ini, proses triangulasi data (rajah 1.5) dilakukan dengan mengambil al-Quran dan al-Sunnah, iaitu dua sandaran pensyariatian utama sebagai

sumber data primer. Sumber data sekunder pula diambil dari rujukan utama mazhab (*ummahat al-kutub*) dan penulisan klasikal dari sarjana Islam. Sumber tertier yang digunakan dalam triangulasi data kajian ini pula diambil dari rujukan terkini seperti artikel dan jurnal, serta penulisan mengenai bidang sains forensik jenayah.



**Rajah 1.5** Triangulasi Data Kajian

Menurut Kamarul Azmi (2012), bagi sesebuah kajian kualitatif, proses triangulasi data ini adalah satu proses meningkatkan mutu data. Apabila lebih banyak triangulasi data dilakukan, lebih tinggi tahap kesahan dan ketepatan sesuatu data kajian.

## 1.9 Kesimpulan

Bab pertama ini memuatkan perbincangan mengenai tiga perkara pokok iaitu pengenalan kajian, kajian lepas dan metodologi kajian. Dalam bahagian pertama, kajian telah mengenalpasti latar belakang dan pernyataan masalah. Permasalahan ini pula akan cuba diselesaikan melalui objektif yang telah digariskan iaitu menganalisis pendapat pakar perundangan Islam tentang *al-qarīnah* sebagai bahan bukti jenayah

bunuh, menganalisis *al-qarīnah* kontemporari menurut perundangan Islam dan mengemukakan panduan *al-qarīnah* sebagai pembuktian jenayah bunuh menurut perundangan Islam. Perbincangan mengenai kajian lepas pula dapat membantu kajian untuk memahami perkara asas dan makro dalam *al-qarīnah*. Kajian ini juga melihat penambahbaikan boleh dibuat melalui perbincangan lanjut *al-qarīnah* kontemporari dalam pembuktian jenayah bunuh. Bab ini turut membincangkan rumusan metodologi yang telah diambil dan diadaptasi oleh pengkaji dalam menyempurnakan penyelidikan ini. Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kualitatif iaitu kajian dokumentasi (*Documentary Research*) dan analisis kandungan kualitatif (*Qualitative Content Analysis*). Seterusnya, kajian turut menggariskan aspek tatacara kajian, sampel dan persampelan, kaedah pengumpulan data, analisis data, serta kesahan dan kebolehpercayaan. Penggunaan kajian berbentuk kajian dokumentasi dan analisis kandungan kualitatif ini diharap mampu memenuhi objektif-objektif kajian yang telah digariskan.

## RUJUKAN

- Abdul Aziz, Bin Saad Al-Dogaither (2005). *Al-Qada' Bi Al-Qarāin Wa Al-Imārāt. Majalah Al-'Adl* 28. Saudi, Wizārah Al-'Adl.
- Abdul Hakim Hamidon, Aminuddin Ruskam (2016). "Fiqh Al-Uqubat From Educational Perspective" Artikel dalam International Conference on Islamic Education and Research (ICIER 2016), 5-6 December 2016, Eagle Bay Langkawi.
- Abdul Qādir Idris (2005). *Al-Ithbāt Bil Qarāin Fī Fiqhi Islami*. Jami'ah Khalil: Tesis Sarjana.
- Abdullah Ali Fahd (2011). *Daur Qarāin Fī Al-Ithbāt Al-Madani*. Amman, Jordan, Middle East University: Tesis Sarjana.
- Abdullah Bin Muhammad Al-Yusuf; Fahd Bin Saad; Umar Mahmud Hassan; Muhammad Muhammad Ahmad; 'Ādil Al-Fajal; 'Iwad Hamidan Nafi' Al-Harbi; Wafa' Abd Al-Mu'ti; Najla' Abdul Jawwād; Zayd Bin Abdullah (2014). *Mu'tamar Al-Qarāin Al-Ṭibbiyyah Al-Mu'āsarah Wa Athāruhā Al-Fiqhiyyah*. Arab Saudi, Jami'ah Al-Imam Muhammad Bin Saud Al-Islāmiyyah.
- Abdullah, Syekh Abdullah Bin Muhammad Basmeih (1996). *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur, Darulfikir Kuala Lumpur.
- Abi Al-Husain, Ahmad Bin Faris Bin Zakaria (1979). *Mu'jam Maqāis Al-Lughah*. Damsyiq, Dār Al-Fikr.
- Abu Abdullah, Mustafa Bin Al-'Adawi (2008). *Mukhtaṣar Sahīh Tafsīr Ibn Kathīr*. Mansurah, Mesir, Maktabah Fayyadh.
- Abu Al-Haj, Ziyad Abdul Hamid Muhammad (2005). *Daur Qarāin Al-Hadīthah Fī Al-Ithbāt Fī Al-Syariah Al-Islamiah*. Gaza, Palestin, Jami'ah Islāmiyyah: Tesis Sarjana.

- Abu Ghābah, Khalid Abdul Azim (2008). *Hujjiah Al-Shahādah Wa Al-Qarāin Baina Sharī'ah Islāmiyyah Wa Sharī'ah Wadaiah*. Kaherah, Dār Al-Kutub Al-Qānūniyah.
- Abu Zahrah, Muhammad (1974). *Al-Jarīmah Wa Al-'Uqūbah Fī Al-Fiqh Al-Islāmī*. Kaherah, Dār Al-Fikr Al-Arabī.
- Ahmad Jamal (2006). *Maqāsid Al-Syar'iah Li Al-Uqūbat Al-Islāmiyyah*. Majallah Maqāsid, Dār Furqān.
- Ahmad Sunawari (2011). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi, Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Syukran Baharuddin, *Et Al.* (2015a). "*Fiqh Forensics: Integration between Sciences and Islamic Law for Autopsies and Identification of Deceased.*" *Sains Humanika* 4(2): 6.
- Ahmad Syukran Baharuddin, *Et Al.* (2015b). "*The Role of Forensic Biology in Realising Maqasid Al-Shariah (The Objectives of Islamic Law).*" *Sains Humanika* 4(1).
- Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (1997).
- Al-Bakrī al-Dumyāti, Abu Bakr (1997). *I'ānah al-Ṭālibīn*. Beirut, Dār Fikr.
- Al-'Uluwī, Sayyid 'Ādil (1994). *Al-Qiṣaṣ 'Ala Dui Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*. Qom, Dār Al-Najafī Al-'Ammah.
- Al-Ghazālī, Abu Hamid (1997). *Al-Wajīz*. Beirut, Dār Al-Arqām Bin Abī Al-Arqām.
- Al-Haythāmī, Ahmad Bin Muhammad Bin Ali Bin Hajar (1983). *Tufhat Al-Muhtāj Fī Sharhi Al-Minhāj*. Kaherah, Maktabah Al-Tijāriyyah Al-Kubrā.
- Al-Homoud, Ibrahim Bin Nasir (2009). *Al-Qada' Bi Al-Qarāin Al-Mu'āsarah*. [Http://Www.Islamtoday.Net/Bohooth/Artshow-86-6271.Htm](http://www.Islamtoday.Net/Bohooth/Artshow-86-6271.Htm)
- Al-Jaṣṣāṣ, Ahmad Bin Ali Abu Bakar Al-Rāzi (1985). *Ahkām Al-Qur'ān*. Beirut, Dār Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Al-Jaṣṣāṣ, Ahmad Bin Ali Abu Bakar Al-Rāzi (1994). *Al-Fuṣūl Fī Al-Usul*. Kuwait, Wizārah Awqāf Kuwaitiah.
- Al-Kasānī, Abu Bakar Bin Mas'ud Al-Hanafī (1986). *Badāi' Al-Ṣanāi'*. Beirut, Dār Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Al-Māwardī, Abi Al-Hasan Ali Bin Muhammad (1971). *Adab Al-Qādi*. Baghdad, Iraq, Wizārah Al-Awqāf.



- Al-Māwardī, Abi Al-Hasan Ali Bin Muhammad (2006). *Al-Ahkām Al-Sultāniah*. Kaherah, Dār Hadīs.
- Al-Qalyūbi dan ‘Umairah (1995) *Hāshiyatā Qalyūbi Wa ‘Umairah*. Beirut, Dār Fikr.
- Al-Qarāfi, Syihāb Al-Dīn Ahmad Bin Idris (1995). *Nafā'is Al-Usūl*. Saudi Arabia, Maktabah Nizār.
- Al-Qarāfi, Syihāb Al-Dīn Ahmad Bin Idris (2001). *Al-Fārūq*. Saudi Arabia, ‘Ālam Al-Kutub.
- Al-Qaṭṭān, Mana' Bin Khalil (1999). *Tārīkh Tashrī' Al-Islāmī*. Kaherah, Maktabah Wahbah.
- Al-Qurtūbī, Abu Abdullah (1964). *Tafsir Qurtūbī*. Kaherah, Dār Kutub Al-Misriyyah.
- Al-Ramlī, Shihāb Al-Dīn (1984). *Nihāyah al-Muhtāj Ilā Sharhi al-Minhāj*. Beirut, Dār Al-Fikr.
- Al-Rāzi, Muhammad Bin Abu Bakar Bin Abdul Qādir (1999). *Mukhtar Al-Sihah*. Beirut, Dār Al-‘Asriyah.
- Al-Suyūṭī, Abdul Rahman Bin Abi Bakr (1990) *Al-Asybah Wa Al-Nazā'ir*. Beirut, Dār Kutub Al-‘Ilmiyyah.
- Al-Syafii, Muhammad Bin Idrīs (1990). *Al-Umm*. Beirut, Dār Makrifah.
- Al-Syanqitī, Muhammad Al-Amin Bin Muhammad (1995). *Adwa Al-Bayan Fī Al-Idāh Al-Qur’ān Bi Al-Qur’ān*. Damsyiq, Syria, Dār Fikr.
- Al-Sharbīnī, Al-Khātib Muhammad Al-Sharbīnī (1997). *Mughnī Al-Muhtāj*. Beirut, Dār Makrifah.
- Al-Ṭabarī, Muhammad Bin Jarīr (2001). *Tafsir Al-Ṭabarī*, Mesir, Dār Hajar Li Al-Nashr.
- Al-Zābidī, Muhammad Bin Muhammad Bin Abdul Razzāq Al-Husaini Al-Murtada (2003). *Tāj Al-‘Arūs Min Jawāhir Al-Qāmūs*. Iskandariah, Dār Al-Hidāyah.
- Al-Zarqa, Mustafā Ahmad (1989). *Sharah Al-Qawā'id Al-Fiqhiyyah*. Damsyiq, Dār Al-Qalām.
- Al-Zarqa, Mustafā Ahmad (1998). *Al-Madkhal Al-Fiqh Al-'Am*. Damsyiq, Dār Al-Qalām.
- Al-Zuḥaylī, Muhammad Mustafā (1982). *Wasāil Al-Ithbāt Fī Sharī'ah Islamiyyah*. Damsyiq, Maktabah Dār Al-Bayān.
- Al-Zuḥaylī, Wahbah Bin Mustafā (1989). *Al-Fiqh Islāmī Wa ‘Adillatuhu*. Damsyiq, Dār Al-Fikr.

- Amendt, J. (2006). *Best Practice in Forensic Entomology-Standards and Guidelines*. Schmerer Dr W.
- Anwarullah (1999). *Prinsiple of Evidence in Islam*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.
- ASTM, American Society for Testing and Materials (2009). *Standard Guide for Scope of Work of Forensic Document Examiners*. U.S.A, ASTM International.
- Auda, Jasser (2014). *Memahami Maqasid Syariah*. Batu Caves, Selangor, PTS Media Group Sdn Bhd.
- Audah, Abdul Qādir (1954). *Al-Tashri' Al-Jinai Al-Islāmi Muqāranan Fī Qānun Waḍa'i*. Beirut, Dār Al-Kutub Al-Waḍa'i.
- Babbie, Earl R. (2004). *The Practice of Social Research*. Belmont, CA, Thomson/Wadsworth.
- Bahnasi, Ahmad Fathi (1962). *Naẓariyyat Al-Ithbāt*. Kaherah, Al-Sharīkah Al-'Arabīyah Li Al-Ṭibā'ah.
- Bahnasi, Ahmad Fathi (1989). *Al-Qiṣaṣ Fī Al-Fiqh Al-Islāmī*. Kaherah, Dār Al-Syurūq.
- Bailey, K.D. (1982). *Methods of Social Research* (2nd Ed.). New York, Free Press.
- Bailey, K.D. (1994). *Methods of Social Research*. New York, Free Press.
- Bertino, A. J. & Bertino, P. N. (2012). *Forensic Science: Fundamentals & Investigations*. Mason, Oh: South-Western Cengage Learning.
- Blaxter, L., C. Hughes, & M. Tight. (1996). *How to Research*. Buckingham: Open University Press.
- Bodziak, W. J. (2000). *Footwear Impression Evidence: Detection, Recovery, and Examination*. Boca Raton: Crc Press.
- Bogdan, R.C. & S.K Biklen. (1992). *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods*. Boston: Allyn & Bacon.
- Butler, John M. (2005). *Forensic DNA Typing, Biology, Technology, and Genetics*. Burlington Academic Press.
- Catts, E. P. & Haskell, N. H. (1990). *Entomology & Death: A Procedural Guide*. Clemson, S.C: Joyce's Print Shop, Inc.
- Colbry, D., *Et Al.* (2005). *Pattern Recognition for Classification and Matching of Car Tires*. Tire Science and Technology, 33, 1, 2-17.
- Colin & Michele Knobel (2004). *A Handbook for Teacher Research from Design to Implementation*. Maidenhead, England; New York, Open University Press.

- Data Triangulation (2012). “*Data Triangulation: How the Triangulation of Data Strengthens Your Research.*” [Http://Www.Write.Com/Writing-Guides/Research-Writing/Research-Process/Data-Triangulation-How-The-Triangulation-Of-Data-Strengthens-Your-Research](http://www.write.com/writing-guides/research-writing/research-process/data-triangulation-how-the-triangulation-of-data-strengthens-your-research), Jul 30, 2012
- Denzin, Norman K. & Yvonna S. Lincoln (1994). *Handbook of Qualitative Research*. Thousand Oaks, Sage Publications.
- Dewan Bahasa Dan Pustaka (1992), *Kamus Inggeris Melayu Dewan*. Kuala Lumpur, Xentral Methods Sdn Bhd
- Dewan Rakyat (2016). *Penyata Rasmi (Hansard) – 24 Novenmber 2016*. Kuala Lumpur, Parlimen Malaysia
- Ee, Ah Meng (1992). *Pedagogi: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur, Fajar Bakti.
- Elo, Satu, *Et Al.* (2014). *Qualitative Content Analysis: A Focus on Trustworthiness*. Sage Open.
- Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 (2015).
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Johor) (2003).
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Kedah) (2014).
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) (2002).
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) (2002).
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Pahang) (2005).
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Perak) (2004).
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) (2004).
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sabah) (2004).
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) (2003).
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) (2003).
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) (2001).
- Farj, Taufiq Hasan (2003). *Qāidah Al-Itbhāt Fī Al-Mawād Al-Madaniyyah Wa Al-Tijāriyyah*. Iskandariah, Dār Al-Jamī’ah Al-Jadīdah Li Al-Nashr.
- Fathullah Zaid (1998). *Hujjiah Al-Qarāin Fī Al-Qānun Wa Al-Sharī’ah*.
- Fatimah Idris (2008). “*Pensampelan Dan Kaedah Pengumpulan Data Kualitatif.*” [Http://Researchipbmm2008.Blogspot.My/2008/01/Persampelan-Dan-Kaedah-Kutipan-Data.Html](http://Researchipbmm2008.blogspot.my/2008/01/persampelan-dan-kaedah-kutipan-data.html)
- Fisher, Barry A. J (2004). *Techniques of Crime Scene Investigation*. New York, CRC Press.

- GTP, Government Transformation Program (2010). *Program Transformasi Kerajaan*. Putrajaya, Jabatan Perdana Menteri Malaysia.
- Hakim, C. (1993). *Research Analysis of Administrative Records*. In: Hammersely M. (Ed.). *Social Research, Philosophy, Politics and Practice*. London: Sage.
- Haneef, S. (2006). "Modern Means of Proof: Legal Basis for Its Accommodation in Islamic Law". *Arab Law Quarterly*, 20(4), 334-364.
- Heard, Brian J. (1997). *Handbook of Firearms and Ballistics: Examining and Interpreting Forensic Evidence*. Chichester, England; New York, J. Wiley.
- Herbert, M. (1990). *Planning a Research Project. A Guide for Practitioners and Trainees in the Helping Professions*. London: Cassell.
- Hishammuddin Hussein (2012). "Inisiatif Kerajaan Untuk Mengurangkan Kadar Jenayah". Dewan Rakyat Parlimen Keduabelas Penggal Kelima Mesyuarat Ketiga, Bil. 42.
- Ibn Al-Athīr (1979). *Al-Nihāyah Fī Gharīb Al-Hadīth Wa Al-Athār*. Beirut, Maktabah Al-‘Ilmiah.
- Ibn Al-Gharas, Muhammad Bin Muhammad Bin Khalil (1908). *Al-Majānī Al-Zuhriyyah*. Kaherah, Maktabah Al-Qahirah.
- Ibn Manzūr, Muhammad Bin Mukrim Bin Ali (2003). *Lisān Al-‘Arab*. Beirut, Dār Ṣādīr.
- Ibn Al-Mulaqqin, Sirāj al-dīn Al-Syafī’ī (1985). *Tuhfat Al-Muhtāj Ilā ‘Adillah Al-Minhāj*. Mekah, Dār Hira’.
- Ibn Farhūn, Ibrahim Bin Ali Bin Muhammad (1986). *Tabṣirah Al-Hukkām*. Kaherah, Maktabah Al-Azhariah.
- Ibn Kathīr, Ismail Bin Umar (2008). *Tafsir Ibn Kathīr*. Manṣurah, Mesir, Maktabah Fayyadh.
- Ibn Qayyim, Shams Al-Din Muhammad (2007). *Turuq Hukmiah Fī Siāsah Sharī’ah*. Kaherah, Darul Hadis.
- Ibn Qudāmah, Abu Muhammad Abdullah Bin Ahmad (1968). *Al-Mughnī*. Kaherah, Maktabah Kaherah.
- Ibn Rusyd, Abu Al-Walid Muhammad Bin Ahmad (2004). *Bidāyah Al-Mujatahid Wa Nihāyah Al-Muqtasid*. Kaherah, Dar Hadis.
- Ibn Taimiyyah, Taqiy Al-Din Ahmad (1997). *Al-Siyāsah Al-Syar’iyyah*. Arab Saudi, Wizarah Syuun Islamiah.

- Ibrahim Muhammad Faiz (1982). *Al-Ithbāt Bil Qarāin Fī Al-Fiqhi Al-Islami*. Riyadh, Al-Maktab Al-Islāmī. Tesis Sarjana.
- Islamic Fiqh Council (2002). *Resolution on DNA and Its Uses*. Mekah, Rabithah ‘Alam Al-Islāmī.
- Jashim Uddin Ahmed (2010). *Documentary Research Method: New Dimensions*. Indus Journal of Management & Social Sciences, 4(1):1-14 (Spring 2010)
- Jurnal Hukum (1998). “*Razalli Bin Zakaria Lwn Rafeah Dan Maimunah*” Jurnal Hukum 113.
- Jurnal Hukum (2007). “*Pendakwa Syarie Negeri Sabah Lwn. Rosli Bin Abdul Japar*” Jurnal Hukum, Jilid 23 Bahagian 2: 237-242.
- Kamarul Azmi Jasmi (2012). “*Kesahan Dan Kebolehppercayaan Dalam Kajian Kualitatif, Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1*”. Johor, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim.
- Kelly, Jan Seaman & Brian S. Lindblom (2006). *Scientific Examination of Questioned Documents*. Boca Raton, Fl, Crc/Taylor & Francis.
- Lee, Henry C., *Et Al.* (2001). *Henry Lee's Crime Scene Handbook*. San Diego, Calif.; London, Academiclankshear.
- M.Crim, Keith Inman, & Rudin, Norah. (2001). *Principles and Practice of Criminalistics: The Profession of Forensic Science*. United States of America, CRC Press.
- Mahmud Saedon Awang Osman (1990). *Undang-Undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Malik Bin Anas (1997). *Al-Muwaṭṭa’*. Beirut, Dār Al-Gharb Al-Islāmī.
- Marcella, A. J., & Guillosoou, F. (2012). *Cyber Forensics: From Data to Digital Evidence*. Hoboken, New Jersey: Wiley.
- Mason, Jennifer (1996). *Qualitative Researching*. London; Thousand Oaks, Calif., Sage.
- Mayring, Philipp (2014). *Qualitative Content Analysis: Theoretical Foundation, Basic Procedures and Software Solution*. AUT.
- Miles, M.B. & Huberman, A.M. (1994). *Qualitative Data Analysis*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Mirqas, Sulaiman (1981). *Usūl Al-Ithbāt Wa Ijrāatihi Fī Mawad Al-Madaniah Fī Qānūn Misri*. Kaherah, ‘Ālam Al-Kutub.

- Mohammad Amir Wan Harun (2016). *Pembinaan Model Pelan Pemakanan Berdasarkan Prinsip Halalan Tayyiban*. Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Doktor Falsafah.
- Mohammad Munzil Muhamad, *Et Al.* (2015). “*Qarīnah: Admissibility of Circumstantial Evidence in Hudud and Qisas Cases*”. *Mediterranean Journal of Social Sciences* 6 (2): 10.
- Mohd Noor Daud (2003). *Qarīnah Dan Pemakaiannya Dalam Kehakiman Islam*. Jabatan Fiqh Dan Usul, Universiti Malaya: Tesis Sarjana.
- Muhammad Baltaji (1920). *Manhaj ‘Umar Bin Khattab Fī At-Tashrī’*. Kaherah, Maktabah Dār Al-Fikr Al-‘Arabi.
- Muhammad Hashim Kamali (2006). *An Introduction to Shari’ah*. Kuala Lumpur, Ilmiah Publisher.
- Myers, M. D., & Avison, D. E. (2002). *Qualitative Research in Information Systems: A Reader*. London: Sage.
- Nkra, National Key Result Areas (2009). *Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)*. Putrajaya, Jabatan Perdana Menteri Malaysia.
- Noraini Idris (2013). *Penyelidikan Dalam Pendidikan (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur, Mcgraw-Hill.
- Noresah Baharom (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur, Malaysia, Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ordinan Keterangan Syariah (Negeri Sarawak) (2001).
- Ostien, P. (2007). *Sharia Implementation in Northern Nigeria 1999-2006: A Sourcebook*. Ibadan, Nigeria: Spectrum Books.
- Paizah Hj Ismail (2008). *Undang-Undang Jenayah Islam*. Selangor, Tradisi Ilmu Sdn Berhad.
- Parker, S.P. (1997). *Mcgraw-Hill Dictionary of Chemistry*. New York: Mcgraw-Hill
- Patton, Michael Quinn (2002). *Qualitative Research and Evaluation Methods*. Thousand Oaks, Calif., Sage Publications.
- PEMANDU, Performance Management and Delivery Unit (2015). *Government Transformation Programme 2014 Annual Report*. Putrajaya, Jabatan Perdana Menteri Malaysia.
- Perron, B. A. (1998). *Uncovering Reasonable Doubt: The Component Method: A Comprehensive Guide for the Criminal Defense Investigator*. Stuart, Fla: Investigative Support Specialist, Inc.

- Platt, J. (1981). *Evidence and Proof in Documentary Research: 1: Some Specific Problems of Documentary Research*. *The Sociological Review*, 29: 31–52.
- Polit, D.F. & B.P. Hungler. (1991). *Nursing Research. Principles and Methods*. Philadelphia: J.B. Lippincott Company.
- Punch, K.F. (1998). *Introduction to Social Research: Quantitative and Qualitative Approaches*. London: Sage.
- Ruzman Md Noor (2007). *Pembuktian Di Mahkamah Syariah Dalam Undang-Undang Islam Di Malaysia: Prinsip Dan Amalan*. Kuala Lumpur
- Saferstein, Richard (2001). *Criminalistics: An Introduction to Forensic Science*. Upper Saddle River, N.J., Prentice Hall.
- Sayyid Sābiq (1990). *Fiqh Sunnah*. Kaherah, Dar Hadis.
- Scott, J. (1990). *A Matter of Record: Documentary Sources in Social Research*. Cambridge, UK: Polity Press.
- Selltiz, C.S., L.S. Wrightsman & S. W. Cook. (1981). *Research Methods in Social Relations*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Stewart, D.W. (1984). *Secondary Research: Information Sources and Methods*. Newbury Park, California: Sage.
- Strauss, Anselm L. & Juliet M. Corbin (1998). *Basics of Qualitative Research: Techniques and Procedures for Developing Grounded Theory*. Thousand Oaks, Sage Publications.
- Stuart, B. (2013). *Forensic Analytical Techniques*. Chichester, West Sussex: Wiley.
- Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda *Et Al.* (2011). "Pergunaan Dna Bagi Penentuan Nasab Al-Walad Li Al- Firash Dalam Peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia". *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari Keluaran Khas* 2011.
- Tesch, R. (1990). *Qualitative Research: Analysis Types and Software Tools*. New York: Falmer.
- Treece, E.W. & J.W. Treece. (1982). *Elements of Research in Nursing*. St. Louis: The C.V. Mosby Company.
- Umar Mahmud Hassan (2014). *Al- 'Ilmu Bi Al-Qarānah Wa Athāruhu Fī Al-Ahkām Al-Qadā'iyyah*. Riyadh, Mu'tamar Al-Qarāin Al-Tibbiyyah Al-Mu'āsarah Wa Athāruhā Al-Fiqhiyyah.
- Umi Kalthom Ahmad & Abdul Rahim Yacob (2003). *Pengenalan Sains Forensik*. Johor, Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia.

- United States (2002). *Best Practices for Seizing Electronic Evidence*. Washington, D.C.: Dept. of the Navy.
- Uthman, Muhammad Ra'fat (1994). *An-Nidzom Al-Qadai Fī Fiqh Al-Islami*. Kaherah, Dar Al-Bayan.
- Webb, E.J., D.T Campbell, R.D Schwarz & L. Sechrest. (1984). *The Use of Archival Sources in Social Research*. In: *Bulmer M. (Ed.). Sociological Research Methods - An Introduction*. London, Macmillan.
- Wellington, J. J. (2000). *Educational Research: Contemporary Issues and Practical Approaches*. London; New York, Continuum.
- Wiersma, W. (1991). *Research Methods in Education. 5th Ed.* Boston: Allyn & Bacon.
- Wiersma, W. (1995). *Research Methods in Education: An Introduction (Sixth Edition)*. Philadelphia, Lippincott.
- Yang, Kaifeng & Gerald Miller (2008). *Handbook of Research Methods in Public Administration*. Boca Raton, CRC Press.
- Zaid, Bin Abdullah Bin Ibrahim Ali Qurun (2014). *Al-Başmah Al-Wirāsah Wa Athāruhā Fī Al-Ithbāt*. Arab Saudi, Jāmi'ah Al-Imam Muhammad Bin Saud Al-Islamiyyah.
- Zaini Nasohah Et Al. (2004). *Syariah Dan Undang-Undang Keterangan Islam: Suatu Perbandingan*. Utusan Publication & Distributors, Kuala Lumpur.
- Zulfakar Ramlee (1997). *The Role of Al-Qarīnah*. Department of Law and Public Administration. Glasgow, Glasgow Caledonian University: Tesis Doktor Falsafah.
- Zulfakar Ramlee (2015). "Pembuktian Dalam Kes Jenayah Syariah Malaysia: Isu Dan Penyelesaian" *Jurnal Kanun*.



## LAMPIRAN C

## C1: RUJUKAN UTAMA MAZHAB

## Pandangan:

Dr Abdullah bin Muhammad bin Ahmad al-Tayyar.

كتب الفقه الحنفي:
1- البحر الرائق شرح كنز الدقائق لابن نجيم.
2- بدائع الصنائع في ترتيب الشرائع لعلاء الدين أبي بكر مسعود بن أحمد الكاساني.
3- تحفة الفقهاء لأبي بكر علاء الدين محمد بن أحمد السمرقندي.
4- تكملة فتح القدير لشمس الدين أحمد المعروف بقاضي زاده أفندي.
5- حاشية ابن عابدين المسمى رد المحتار على الدر المختار شرح تنوير الأبصار لمحمد أمين بن عابدين.
6- شرح فتح القدير لكمال الدين محمد بن عبدالواحد السيواسي المعروف بابن الهمام.
7- العناية شرح الهداية لمحمد محمود البابرتي.
8- غمز عيون البصائر شرح الأشباه والنظائر للحموي.
9- المبسوط لشمس الأئمة السرخسي.
10- الفتاوى الهندية لجماعة من العلماء.
11- مجمع الأنهر شرح ملتقى الأبحر لعبدالله بن الشيخ محمد بن سليمان المعروف بداماد أفندي.
12- الهداية شرح بداية المبتدي للمرغيناني.
13- تبیین الحقائق شرح كنز الدقائق لعثمان بن علي الزيلعي.
14- الأشباه والنظائر على مذهب أبي حنيفة لابن نجيم.

### C1: Rujukan Utama Mazhab

كتب الفقه المالكي:
1- بداية المجتهد ونهاية المقتصد لمحمد بن رشد الحفيد القرطبي.
2- حاشية الدسوقي على الشرح الكبير للدردير.
3- الفروق للقرافي.
4- المدونة للإمام مالك رواية سحنون.
5- مواهب الجليل شرح مختصر خليل للخطاب.
6- قوانين الأحكام الشرعية لمحمد بن جزي الكلبي.
7- البهجة في شرح التحفة لعلي بن عبدالسلام التسولي.
8- حاشية الرهوني على شرح الزرقاني على متن خليل.
9- شرح الخرشي على مختصر خليل لأبي عبدالله محمد الخرشي.
10- الشرح الكبير لمختصر خليل لأبي البركات أحمد الدردير.
11- الذخيرة للقرافي.
12- الرسالة لابن أبي زيد.
13- النوادر والزيادات لابن أبي زيد.

### C1: Rujukan Utama Mazhab

كتب الفقه الشافعي:
1- الأم للشافعي.
2- إغاثة الطالبين لأبي بكر السيد البكري.
3- أسنى المطالب شرح روض الطالب لذكريا الأنصاري الشافعي.
4- نهاية المحتاج إلى شرح المنهاج لشهاب الدين أحمد الرملي.
5- الوجيز في فقه الإمام الشافعي للغزالي.
6- قواعد الأحكام في مصالح الأنام للعز بن عبد السلام.
7- تحفة المحتاج إلى أدلة المنهاج لابن الملقن.
8- الإقناع في حل ألفاظ أبي شجاع لمحمد الشربيني الخطيب.
9- مغني المحتاج إلى معرفة ألفاظ المنهاج لمحمد الشربيني الخطيب.
10- فتح العزيز شرح الوجيز للرافعي.

### C1: Rujukan Utama Mazhab

كتب الفقه الحنبلي:
1- المغني لابن قدامة.
2- كشاف القناع من متن الإقناع لمنصور الهوتي.
3- الشرح الكبير على المقنع لأبي الفرج عبدالرحمن بن قدامة.
4- الكافي في فقه أحمد لابن قدامة.
5- الإنصاف في معرفة الراجح من الخلاف للمرداوي.
6- مطالب أولي النهى شرح غاية المنتهى لمصطفى السيوطي الرحيباني.
7- المقنع لابن قدامة
8- قواعد ابن رجب.
9- المبدع في شرح المقنع.
10- الروض المرعب للهوتي.

## C2: Rujukan Fiqh Umum

كتب الفقه العام:
1- السيل الجرار للشوكاني.
2- الفقه الإسلامي لوهبة الزحيلي.
3- المدخل الفقهي لمصطفى الزرقاء.
4- المدخل لابن الحاج.
5- الفقه على المذاهب الأربعة لعبد الرحمن الجزيري.
6- حلية الفقهاء للقفال.
7- المعيار المعرب للونشريسي.
8- الموسوعة الفقهية الكويتية.
9- الموسوعة الفقهية المصرية.
10- فتاوى شيخ الإسلام ابن تيمية.
11- الموسوعة الفقهية الميسرة لحسين العوايشة.
12- الثمر المستطاب في فقه السنة والكتاب للألباني.
13- معين الحكام لابن جماعة.
14- مختصر اختلاف الفقهاء للطحاوي.
15- المحلى لابن حزم.
16- الفقه الإسلامي لمحمد يوسف موسى.
17- فقه السنة لسيد سابق.